



فلیتا بروندی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.36

SUBUH 4.46

SYURUK 6.06

DUHA 6.28

ZUHUR 12.05

ASAR 3.25

MAGHRIB 6.02

ISYAK 7.13

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 67 BILANGAN 132

2 NOVEMBER 2022 / 1444

7

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

مانیسش ایمان

"SESUNGGUHNYA Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala,
dalam Surah Ar-Ra'd, ayat 11.

'Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengkufuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin. WahsabunAllahu Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Qowwata Illa Billahil 'Aliyyil 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Alameen.

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.

Bekerjasama memupuk landskap,kekalkan pertumbuhan ekonomi baharu

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

JERUDONG, Isnin, 31 Oktober. - Ekonomi baharu direka bentuk untuk membolehkan kita menyesuaikan diri dengan cabaran semasa dan masa depan yang kita hadapi seperti perubahan iklim dan populasi global yang semakin tua.

Dengan perubahan iklim, implikasi kenaikan 1.5 darjah celsius dalam suhu global boleh membawa kepada bencana alam yang lebih kerap dan akan memberikan kesan buruk kepada bekalan dan infrastruktur makanan.

Populasi yang semakin tua membawa risiko penurunan produktiviti global serta cabaran struktur untuk sektor utama seperti penjagaan kesihatan dan dana pencer.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah menggariskan perkara berkenaan selaku tetamu kehormat majlis pada The 14th Annual Brunei Darussalam - Roundtable Moving Forward : Drivers of the New Economy yang berlangsung di The Empire Brunei, Jerudong pagi tadi.

>> Muka 5

BERKENAN MENERIMA MENGADAP MENTERI HAL EHWAL LUAR AUSTRALIA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri Hal Ehwal Luar Australia, Senator the Honourable Penny Wong yang mengadakan lawatan ke negara ini selama dua hari.

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 31 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri Hal Ehwal Luar Australia, Senator the Honourable Penny Wong, hari ini, yang mengadakan lawatan ke negara ini selama dua hari.

Semasa Majlis Mengadap tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Senator the Honourable Menteri Hal Ehwal Luar Australia telah berbincang mengenai pengukuran kerjasama dua hala di antara Negara Brunei Darussalam dan Australia.

>> Muka 3

Perutusan takziah kepada Presiden Republik Korea

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 31 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan

menghantar titah perutusan takziah kepada Presiden Republik Korea, Tuan Yang Terutama Yoon Suk-yeol, kerajaan dan rakyat Republik Korea berikut dengan insiden yang menyebabkan kehilangan nyawa dan kecederaan yang berlaku di Itaewon, Seoul baru-baru ini.

Intelligence Hub, Kementerian Kesihatan dirasmikan

Oleh : Khartini Hamir

JERUDONG, Selasa, 1 November. - Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam dan Teknologi EVYD dengan sukacitanya mengumumkan pembukaan rasmi Intelligence Hub, Kementerian Kesihatan, di Kampus EVYD, di Jerudong, di sini.

Pembukaan Hab ini adalah sebahagian daripada usaha kementerian untuk

mengukuhkan daya tahan ekosistem penjagaan kesihatan Brunei.

Hab yang akan menempatkan bersama, Epidemic Intelligence and Response Unit (Bahagian Kawalan Penyakit), berfungsi sebagai pusat pengawasan untuk memantau penyebaran penyakit di seluruh negara; Unit Penyesuaian dan Ketahanan Perubahan Iklim; dan Unit Kesihatan Digital.

>> Muka 4



IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN

f Pelita Brunei @ pelitabrunei pelitabrunei

Berita Utama



KENALI lebih dekat pengusaha dalam Industri Tekstil, Kreatif
Muka 8



AMAL urus tadbir teratur, lengkap sebagai langkah perlindungan
Muka 17



Warisan

PENGUNAAN daun nyirik dalam makanan Melayu

Muka 20

STATUS COVID-19

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Maklumat setakat 1 NOVEMBER 2022

78.6%

3 dos vaksin COVID-19 penduduk umum

61.7%

3 dos vaksin COVID-19 remaja berumur 12-17 tahun

86.3%

2 dos vaksin COVID-19 kanak-kanak berumur 5-11 tahun

452

Jumlah kes sembuh 24 jam lalu

236,826

Jumlah kes yang sembuh

Ministry of Health, Brunei Darussalam mohbrunei www.moh.gov.bn



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurnikan titah pada Majlis Sambutan Ulang Tahun Ke-100 Penubuhan Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan, yang berlangsung di Dewan Darussalam sekolah berkenaan pada 29 Oktober 2022.

Pastikan Learning Recovery dilaksanakan dengan jayanya

Assalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh

Bismillaahir Rahmaanir Raheem
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihiee
Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden,
Wassalaatu' Wassalamu 'Ala Asyafarfil
Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin,
Wa'alaa Aalihee Wasabihee Ajma'een,
Waba'du.

TAHUN 2022 adalah tahun bersejarah bagi Sekolah Menengah Chung Hwa, kerana dengan memasuki tahun ini, bererti Sekolah Menengah Chung Hwa telah genap 100 tahun penubuhannya.

100 tahun bukanlah jangka masa yang pendek, tetapi cukup lama untuk membolehkannya berkembang dan mencipta kecemerlangan.

Oleh itu, adalah wajar bagi kita untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada seluruh warga Sekolah Menengah Chung Hwa di atas pencapaianya itu.

Pencapaian ini adalah bukti bahawa kepentingan pendidikan sudah sekian lama menjadi agenda penting negara, dengan usaha bersepada turut sama-sama diharungi oleh masyarakat Tionghua.

Beta difahamkan, pendidikan di sekolah ini tidaklah terhad kepada pelajar-pelajar berbangsa Tionghua sahaja, malah ia juga turut menjadi pilihan di kalangan pelbagai kaum dan bangsa di negara ini. Salah satu faktor utama yang menjadi tarikan ialah pencapaian sekolah ini dalam menghasilkan pelajar-pelajar yang cemerlang.

Pada hemat beta, pencapaian seperti inilah yang mampu untuk melahirkan generasi yang berkemahiran dan berpendidikan tinggi di

masa-masa mendatang.

Di samping menghargai pencapaian sekolah, pada kesempatan ini, beta juga ingin mengingatkan kepada semua pihak sekolah dan para pendidik di negara ini supaya jangan sekali-kali lupa untuk menerapkan nilai-nilai kebruneian di kalangan para pelajar. Kerana inilah, satu-satunya cara untuk mengekalkan keharmonian serta merealisasikan perpaduan.

Dalam mengiktiraf sumbangan dari institut pendidikan swasta di peringkat pendidikan wajib, maka kerajaan beta melalui Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama, akan terus memberikan sokongan bagi program perkembangan profesional, selaras dengan keperluan pelaksanaan kurikulum Sistem Pendidikan Negara. Ini, adalah bagi memastikan pendidikan yang saksama dan inklusif dapat diberikan kepada semua pihak.

Kita semua maklum, lanskap pendidikan telah melalui pelbagai perubahan dan cabaran, khasnya sejak beberapa tahun kebelakangan semasa wabak COVID-19 melanda masyarakat global.

Pandemik ini, telah menyebabkan pengurangan tempoh pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka, sehingga ia mengakibatkan Learning Loss di kalangan pelajar-pelajar, terutama di peringkat rendah dan menengah. Sayugia, beta berharap pihak institusi pendidikan swasta akan sama-sama mengambil berat isu ini dan bertanggungjawab untuk memastikan Learning Recovery (Pemulihan Pembelajaran) dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

SIDANG PENGARANG 2 NOVEMBER 2022

Muhasabah diri dengan tidak mempersiakan nikmat Allah

UJIAN dan dugaan daripada Allah Subhanahu Wata'ala kepada manusia itu bukan hanya sekadar datang dalam bentuk kesusahan ataupun kesedihan semata-mata seperti kemiskinan, kesakitan atau kehilangan nyawa. Bahkan ujian dan dugaan itu juga boleh datang melalui kebahagiaan dan kesenangan seperti limpahan kemewahan yang merangkumi kesihatan, kekayaan dan seumpamanya. Semua ini dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala kepada manusia adalah untuk melihat sama ada kita akan menjadi hamba Allah Subhanahu Wata'ala yang tahu dan sekira bersyukur ataupun menjadi hamba yang kufur dengan segala nikmat yang telah dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala.

Sesungguhnya ujian dan dugaan Allah Subhanahu Wata'ala berupa kemewahan dan kesenangan itu sering saja disalahgunakan dan menjadikan para penerima lalai dan alpa, sehingga ada di antara kemewahan dan kesenangan itu tenggelam dalam nikmat-nikmat tersebut. Kita terbuai dan kita terpesona dengan tipu daya dunia sehingga tanpa kita sedari, nikmat-nikmat itu telah menjauhkan diri kita daripada mengingati Allah Subhanahu Wata'ala dan mendekatkan diri kita kepada istidraj.

Istidraj adalah ujian yang berbentuk muslihat ataupun perangkap iaitu nikmat kesenangan yang Allah Subhanahu Wata'ala kurniakan kepada orang-orang yang lalai serta tidak taat akan perintah dan larangan Allah Subhanahu Wata'ala. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Anbiya, ayat 53 antara lain makna terjemahannya : "Tiap-tiap yang bernyawa akan merasai mati dan kami mengujuk kamu dengan kesusahan dan kesenangan sebagai habuan dan kepada Kami lah kamu akan dikembalikan (untuk dihisab dan menerima balasan)".

Sesungguhnya manusia itu sering saja dijui dengan istidraj. Sebagai contoh, ketika Allah Subhanahu Wata'ala membiarkan kita sengaja meninggalkan sembahyang, membiarkan kita sengaja meninggalkan puasa, membiarkan kita melakukan dosa dan maksiat serta membiarkan kita mengabaikan perintah dan larangan Allah Subhanahu Wata'ala.

Namun demikian, Allah Subhanahu Wata'ala tetap memberi kita kelancaran dan kecukupan dari segi kesihatan, kesenangan dan seumpamanya sehingga kita dapat menjalani kehidupan dengan baik. Sesungguhnya kelancaran rezeki yang kita terima itu boleh saja merupakan ujian daripada Allah Subhanahu Wata'ala yang dinamakan istidraj itu.

Mudahan kita dapat mengelakkkan daripada melakukan perkara-perkara yang mendatangkan istidraj dengan meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah, sentiasa merendah diri. Semasa kita melakukan sesuatu, mulakan dengan mengucap Bismillah, jika kita selesai melakukan sesuatu, akhirinya dengan mengucap Alhamdulillah. Berselawat ke atas junjungan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sepanjang masa. Jika kita menuaikan sembahyang fardhu atau pada sembahyang sunat baca doa berikut yang sering dibaca oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ialah, daripada Anas bin Malik Radiallahuanhu berkata, doa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam yang paling sering diucapkan ialah : "Ya Allah, Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan peliharalah kami dari seksa api neraka". (Hadis Riwayat Imam Bukhari).

Berwaspada dan janganlah kita menjadi hamba Allah Subhanahu Wata'ala yang menjadi lalai dan alpa dengan segala kenikmatan dan kemewahan yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala serta lupa daratan. Ini kerana sepatutnya semakin banyak Allah Subhanahu Wata'ala menganugerahkan kepada kita nikmatnya, maka sepatutnya semakin bertambahlah pula rasa syukur kita kepada-Nya.

Oleh yang demikian, janganlah kita mempersia-siasi setiap nikmat yang kita peroleh itu dengan melakukan perkara-perkara yang mengundang kemurkaan Allah Subhanahu Wata'ala. Mudah-mudahan dengan demikian, segala nikmat yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala itu akan diberkati dan menjadi asbab untuk menjadikan diri kita lebih dekat kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Ya Rabbal Alamin. Sekian Sidang Pengarang buat keluaran kali ini.

- Ketua Penyuntingan (Fa)



WAKTU SEMBAHYANG

NOVEMBER	MASIHI	RABIULAKHIR	HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	AŞAR	MAGHRIB	ISYAK
2	RABU	7	4.36	4.46	6.06	6.28	12.05	3.25	6.02	7.13	
3	KHAMIS	8	4.36	4.46	6.06	6.29	12.05	3.25	6.02	7.13	
4	JUMAAT	9	4.36	4.46	6.06	6.29	12.05	3.25	6.02	7.13	
5	SABTU	10	4.36	4.46	6.06	6.29	12.05	3.26	6.02	7.13	
6	AHAD	11	4.36	4.46	6.06	6.29	12.05	3.26	6.02	7.13	
7	ISNIN	12	4.36	4.46	6.06	6.29	12.05	3.26	6.02	7.13	
8	SELASA	13	4.36	4.46	6.06	6.29	12.05	3.26	6.02	7.13	

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit


RAMALAN CUACA 3 HARI



RABU	KHAMIS	JUMAAT
Bandar Seri Begawan		
32 25 °C /,,/	33 25 °C /,,/	32 24 °C /,,/
Pekan Bangar		
32 25 °C /,,/	33 25 °C /,,/	32 24 °C /,,/
Pekan Tutong		
32 25 °C /,,/	33 25 °C /,,/	32 24 °C /,,/
Kuala Belait		
32 25 °C /,,/	33 25 °C /,,/	32 24 °C /,,/
Wallahu alam Bissawab		
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi		

www.met.gov.bn

Berkenan menerima mengadap Menteri Hal Ehwal Luar Australia



Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

>> Muka 1

Menyertai bersama Senator the Honourable Menteri Hal Ehwal Luar Australia pada Majlis Mengadap yang berlangsung di Istana Nurul Iman, Pesuruhjaya

Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Luke Arnold.

Hubungan rapat Negara Brunei Darussalam dan Australia telah lama terjalin sejak bulan Mei 1984, di mana

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri Hal Ehwal Luar Australia, Senator the Honourable Penny Wong yang mengadakan lawatan ke negara ini selama dua hari (atas kiri dan atas).

kedua-dua buah negara dalam bidang perdagangan dan pelaburan, tenaga, akuakultur bekerjasama secara meluas dan pertanian serta pertahanan.

COVID-19 : 10.8 PERATUS PENDUDUK LENGKAP 4 DOS VAKSIN

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BERAKAS, Isnin, 31 Oktober. - Jumlah kes COVID-19 yang dilaporkan di Negara Brunei Darussalam menunjukkan sedikit peningkatan dalam masa satu minggu kebelakangan ini, di mana kadar purata harian kes pada minggu lepas ialah 485 kes sehari, berbanding dengan 437 kes sehari pada minggu sebelumnya.

Sebanyak 41,068 keputusan Ujian Pantas Antigen (ART) telah dimuat naik ke aplikasi BruHealth dalam masa satu minggu di mana 8.2 peratus daripadanya adalah keputusan ART yang positif.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar mengongsikan perkara tersebut pada Sidang Media Normal Baharu COVID-19 di Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

"Pada hari ini, tidak ada kes di dalam Kategori 5 yakni memerlukan rawatan di Unit

JUMLAH kes COVID-19 yang dilaporkan di Negara Brunei Darussalam menunjukkan sedikit peningkatan dalam masa satu minggu kebelakangan ini, di mana kadar purata harian kes pada minggu lepas ialah 485 kes sehari, berbanding dengan 437 kes sehari pada minggu sebelumnya.

SEBANYAK 459 kes baharu telah dilaporkan iaitu 453 kes hasil ART dan enam kes adalah hasil dari 62 Ujian Makmal RT-PCR yang telah dilakukan dalam masa 24 jam yang lalu.

Rawatan Intensif (ICU) manakala tiga kes berada di dalam Kategori 4 iaitu memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.

"Sehingga kelmarin, 30 Oktober 2022, kadar liputan vaksinasi COVID-19 di Negara Brunei Darussalam kekal berada di tahap yang tinggi dengan 78.6 peratus daripada keseluruhan rakyat dan penduduk negara ini telah mendapatkan dos ketiga vaksin dan 10.8 peratus juga telah mendapatkan dos keempat," ujar Yang Berhormat.

Tambah Yang Berhormat, pada hari ini, sebanyak 459 kes baharu telah dilaporkan iaitu 453 kes hasil ART dan enam kes adalah hasil dari 62 Ujian Makmal RT-PCR yang telah dilakukan dalam masa 24 jam yang lalu.

"Sementara itu, trend kes Influenza dan jangkitan serupa Influenza (Influenza-like Illness, ILI) pada minggu lalu terus menunjukkan penurunan. Walau bagaimanapun, keadaan trend

jangkitan masih belum kembali sepenuhnya ke paras normal," terang Yang Berhormat lagi.

Sehubungan itu, Yang Berhormat mengingatkan orang ramai untuk terus berwaspada dan mengambil langkah-langkah pencegahan seperti mengasingkan diri jika mengalami tanda-tanda jangkitan dan mengelakkan dari tempat-tempat yang penuh sesak.

Seterusnya, segera berjumpa doktor jika tanda-tanda jangkitan berterusan atau semakin teruk dan dapatkan suntikan Influenza, khususnya bagi mereka yang berumur 60 tahun ke atas dan mereka yang mempunyai masalah-masalah kesihatan.

Di kesempatan itu juga, tambah Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan ingin mempelawa orang ramai untuk terus menyertai Cabaran 20 Bilion Langkah Bersama yang kini sedang berjalan dan disasarkan untuk dicapai pada penghujung tahun ini.

"Orang ramai diingatkan untuk mengemas kini langkah mereka dalam aplikasi BruHealth setiap hari dengan menekan punat ciri BN on the Move dalam aplikasi BruHealth masing-masing.

"Marilah kita sama-sama mencapai 20 Bilion Langkah Bersama dan menuju ke arah gaya hidup yang lebih sihat. Teruslah bergerak untuk kesihatan, setiap langkah adalah penting.

"Semoga Negara Brunei Darussalam berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara dari segala bencana



YANG Berhormat Menteri Kesihatan berucap pada Sidang Media Normal Baharu COVID-19 di Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan.

dan wabak penyakit serta berada di dalam perlindungan Allah Subhanahu Wata'alaa jua. Amin Ya Rabbal Alamin," ujar Yang Berhormat mengakhiri kenyataannya.

452 kes dilaporkan sembah

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 November. - Sebanyak 452 kes disahkan sembah, yang membawa jumlah keseluruhan kes yang sembah meningkat kepada 236,826.

Menurut Infografik Status Harian Normal Baharu COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan hari ini, sebanyak dua kes dilaporkan sedang berada dalam Kategori 4, iaitu mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi; sementara tidak ada kes dilaporkan dalam Kategori 5, iaitu mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU).

Setakat 1 November 2022, Program Vaksinasi masih kekal di tahap yang tinggi, iaitu sebanyak 86.3 peratus kanak-kanak yang berumur 5 hingga 11 tahun menerima dua dos vaksin manakala sebanyak 61.7 peratus remaja berumur 12 hingga 17 tahun telah menerima tiga dos vaksin.

Sementara itu, sebanyak 78.6 peratus rakyat dan penduduk negara ini telah mendapatkan tiga dos vaksin dan 10.8 peratus telah menerima empat dos vaksin COVID-19.

INTELLIGENCE HUB, KEMENTERIAN KESIHATAN DIRASMIKAN



YANG Berhormat Menteri Kesihatan bersama Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II semasa merasmikan Intelligence Hub, Kementerian Kesihatan, di Kampus EVYD (atas). Sementara gambar kanan, Penandatanganan MoU di antara Kementerian Kesihatan dan EVYD Technology dengan National University of Singapore, Saw Swee Hock School of Public Health.

>> Muka 1

Pada masa hadapan, lebih banyak unit kesihatan kerajaan boleh ditempatkan di Hab, termasuk Program Wawasan Tingkah Laku, Unit Penyelidikan Klinikal Kebangsaan dan Unit Penyakit Tidak Berjangkit.

Intelligence Hub Kementerian Kesihatan merupakan lambang fizikal bagi visi strategik dan perancangan ke hadapan kementerian.

Ia membuktikan keberanian Kementerian Kesihatan untuk menerima dan menerima pakai teknologi baharu, sebagai sebahagian daripada komitmennya untuk menunjukkan kepimpinan Brunei, dalam transformasi kesihatan digital.

Ia juga merupakan inisiatif terbaharu untuk meningkatkan kesihatan Rakyat Brunei.

Kementerian akan terus memanfaatkan teknologi secara proaktif untuk terus memacu pengoptimalan digital terkemuka dunia, bagi ekosistem penjagaan kesihatan Brunei.

Pusat Pengawasan Epidemic Intelligence and Response Unit memanfaatkan sistem pengawasan penyakit berjangkit automatik yang dibangunkan baru-baru ini, yang dikaitkan dengan data klinikal dan makmal dari Bru-HIMS untuk menjelajah serta memantau kemunculan dan penyebaran lebih 50 penyakit berjangkit, dalam masa nyata.

Hab tersebut dirasmikan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar bersama Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham

berkata, "Keputusan kami untuk menempatkan bersama Hub Kecerdasan Kementerian Kesihatan di Kampus EVYD menunjukkan hubungan strategik di antara teknologi penjagaan kesihatan, analisis data, penyelidikan dan perancangan dasar. Ia akan berfungsi sebagai medan ujian untuk kerjasama, penjanaan pengetahuan dan transformasi amalan".

Hab tersebut, tambahnya, turut menyediakan ruang kerja bersama, untuk pasukan berbeza yang berurusan dengan data dan risikan, bagi memudahkan semua interaksi yang dipertingkatkan ini dalam satu lokasi, yang akan memberikan Brunei lebih banyak pandangan nilai tambah, untuk membuat keputusan yang dipacu data mengenai kesihatan penduduk dengan lebih yakin.

Ketua Pegawai Eksekutif EVYD Technology, Encik Chua Ming Jie pula berkata, "Kami berbangga kerana telah bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan sejak permulaan wabak pada 2020 - bermula dengan membangunkan bersama BruHealth sebagai alat pengurusan pandemik, dan kini mengembangkannya untuk menjadi sebuah aplikasi kesihatan negara.

Brunei juga memanfaatkan platform pengendalian data EVYDENCE kami untuk menyatupaduan maklumat dari pelbagai sumber data, dan memprosesnya menjadi model data biasa, membolehkan hasil kesihatan yang lebih baik. Data daripada EVYDENCE juga digunakan untuk memperkasakan rangkaian penyelesaian kesihatan digital untuk rakyat Brunei".

Tambahnya, "Kami berbesar hati mengaluh-alukan Kementerian Kesihatan, untuk membuka Intelligence Hubnya, di kampus global kami di Brunei, hari ini.



Oleh : Khartini Hamir

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

"Lokasi bersama Hab di Kampus EVYD melambangkan, hubungan antara MOH dan Teknologi EVYD, di mana kami menyediakan data yang boleh diambil tindakan untuk kesan yang bermakna dari segi penggubalan dasar dan hasil klinikal serta kementerian dapat memanfaatkan data ini, untuk memperkasakan transformasi digital sistem penjagaan kesihatan awam, di seluruh rantau ini".

"Pembukaan Hab tersebut merupakan peristiwa penting dalam hubungan kami, dan kami berharap dapat mengembangkan lagi perkongsian kami dengan kementerian dalam misi bersama kami untuk meningkatkan kesihatan rakyat Brunei".

Pada majlis perasmian itu, Kementerian Kesihatan dan EVYD Technology turut menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama National University of Singapore, Saw Swee Hock School of Public Health sebagai kerjasama rentas sempadan untuk mengukuhkan sistem kesihatan.

Ini akan termasuk, membina ekosistem dan infrastruktur penyelidikan untuk menjalankan penyelidikan yang berkaitan dengan pembuatan dasar; mengajar dan mengambil bahagian, dalam aktiviti akademik dan saintifik bersama; dan mengenal pasti peluang untuk pemindahan pengetahuan, pembinaan keupayaan serta penyelidikan dan pembangunan (R&D) bersama dalam bidang kepentingan bersama.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, yang juga Pengurus Lembaga Pengarah EVYD Technology, berkata "Memandangkan cabaran kesihatan yang semakin kompleks dalam dunia tanpa sempadan hari ini, terdapat banyak nilai yang boleh kita realisasikan dengan memupuk kerjasama rentas sempadan yang lebih besar, untuk meningkatkan tindak balas kesihatan awam kita secara

kolektif. "Melalui kerjasama serantau ini, kami berhasrat untuk mengukuhkan sistem penjagaan kesihatan di Brunei dan Singapura, dan dengan senang hati akan berkongsi inisiatif dan pembelajaran utama kami dengan Negara Anggota ASEAN yang lain untuk meningkatkan kesihatan awam, di seluruh rantau ini".

MoU tersebut akan berkuat kuasa selama dua tahun pada mulanya, dan akan diperbaharui secara automatik untuk tempoh dua tahun berturut-turut selepas setiap tempoh kontrak melainkan ditamatkan oleh mana-mana tiga pertubuhan.

Ia masing-masing ditandatangani oleh Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar), Kementerian Kesihatan, Dr. Anie Haryani Abdul Rahman; Encik Chua Ming Jie; dan Dekan, Saw Swee Hock School of Public Health, National University of Singapore, Profesor Teo Yik Ying, dan disaksikan oleh Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan, Haji Maswadi Haji Mohsin; Penolong Pengarah Urusan, Agensi Pelaburan Brunei, Ahmad Jefri Abdul Rahmani; dan Pesuruhjaya Tinggi Singapura ke Negara Brunei Darussalam, Tuan

Yang Terutama Heng Aik Yeow.

Sebagai sebahagian daripada komitmen tiga pertubuhan untuk meningkatkan kerjasama kesihatan awam rentas sempadan, mereka juga merupakan sebahagian daripada jawatankuasa pengangur di sebalik Persidangan Kesihatan Awam Digital ASEAN Ke-2, yang akan berlangsung di Brunei dan dalam talian, pada 22 & 23 November 2022.

Persidangan akan berkuat kuasa selama dua tahun pada mulanya, dan akan diperbaharui secara automatik untuk tempoh dua tahun berturut-turut selepas setiap tempoh kontrak melainkan ditamatkan oleh mana-mana tiga pertubuhan.

Ia masing-masing ditandatangani oleh Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar), Kementerian Kesihatan, Dr. Anie Haryani Abdul Rahman; Encik Chua Ming Jie; dan Dekan, Saw Swee Hock School of Public Health, National University of Singapore, Profesor Teo Yik Ying, dan disaksikan oleh Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan, Haji Maswadi Haji Mohsin; Penolong Pengarah Urusan, Agensi Pelaburan Brunei, Ahmad Jefri Abdul Rahmani; dan Pesuruhjaya Tinggi Singapura ke Negara Brunei Darussalam, Tuan

Maklumat lanjut boleh didapat di www.dphasean.org.



Yang Berhormat Menteri Kesihatan bersama dengan Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II melihat lebih dekat Hab tersebut.



Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II selaku Pengurus Lembaga Pengarah PJSC dan Yang Berhormat Menteri Kesihatan selaku Timbalan Pengurus Lembaga Pengarah PJSC semasa bergambar ramai pada pelancaran tersebut.

PJSC lancar Nuclear Cardiology Services

Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Pakar Pantai Jerudong

JERUDONG, Selasa, 1 November. - Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC) telah melancarkan Nuclear Cardiology Services hari ini yang berlangsung di Aras 1, Bangunan PJSC, di sini.

Hadir bagi merasmikan perkhidmatan tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri

Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah juga selaku Pengurus Lembaga Pengarah PJSC dan Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar selaku Timbalan Pengurus Lembaga

Pengarah PJSC.

Nuclear Cardiology Services ini mewakili usaha berterusan ke arah mempertingkatkan keupayaan sistem penjagaan kesihatan di Negara Brunei Darussalam dan menyediakan penjagaan terbaik untuk pesakit yang menghidap penyakit kardiovaskular.

>> Muka 12

BEKERJASAMA MEMUPUK LANDSKAP, KEKALKAN PERTUMBUHAN EKONOMI BAHARU



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II berucap pada majlis tersebut.

>> Muka 1

"Beberapa tindak balas yang telah dilihat terhadap cabaran berkenaan berbentuk gangguan teknologi, yang mendorong penubuhan beberapa industri ekonomi baharu seperti teknologi pertanian SMART, Artificial Intelligence dan tenaga boleh diperbaharui.

"Nilai ekonomi adalah nyata. Dalam pertanian, penggunaan teknologi dron telah membolehkan perludungan mengurangkan kos operasi sambil mengekalkan alam sekitar," terang Yang Berhormat.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Hamzah Mohidin

Yang Berhormat seterusnya menambah apabila teknologi dron berkembang untuk bertindak sebagai pendebunga mekanikal dan menggabungkan aplikasi pintar, masa depan menjanjikan teknologi mampu milik untuk menangani cabaran yang semakin meningkat dalam ketidakselamatan makanan yang semakin meningkat.

Menurut Yang Berhormat lagi, robotik gudang sudah pun mengubah industri logistik dan telah terbukti memainkan peranan penting dalam memacu produktiviti dan menambah baik rantaian bekalan global pada hari ini.

Analisis daripada Accenture kata Yang Berhormat, dengan kerjasama Forum Ekonomi Dunia, telah menunjukkan bahawa teknologi digital, jika diperluaskan merentasi industri boleh memberikan hingga 20 peratus daripada pengurangan 2050 yang diperlukan untuk mencapai trajektori sifar bersih Agensi Tenaga Antarabangsa dalam tenaga, bahan dan industri mobiliti.

Yang Berhormat seterusnya menekankan penggunaan pantas teknologi digital sahaja sudah boleh mengurangkan pelepasan sebanyak empat hingga 10 peratus.

"Sebagai penggubal dasar dan pelabur bersama-sama dalam

bilik ini pada hari ini, marilah kita membincangkan cara kita boleh bekerjasama untuk memupuk landskap yang mengekalkan pertumbuhan ekonomi baharu dengan mewujudkan persekitaran inovasi yang boleh berkembang maju.

"Cabaran inflasi yang semakin meningkat, gangguan rantai bekalan dan ketegangan geopolitik sudah tentu membawa keperluan mendesak untuk mempunyai strategi yang rasional dan koheren yang boleh dilaksanakan untuk memberikan kemenangan pantas dan juga mencapai kestabilan dalam jangka sederhana hingga lebih panjang," ujar Yang Berhormat.

Walaupun ekonomi baharu telah membawa cabaran baharu, Yang Berhormat menegaskan ia juga akan memberikan banyak peluang kepada kita sebagai profesional pelaburan dan masyarakat secara amnya.

Ini kata Yang Berhormat termasuk lebih banyak pilihan untuk pengeluaran di peringkat global, peluang yang lebih besar untuk mencipta pasaran baharu, peningkatan skalabiliti untuk firma kecil berkembang besar dengan lebih cepat, dan medan permainan yang lebih sekata dari segi inovasi dengan idea paling cemerlang boleh datang dari mana-mana sahaja di dunia dan tidak lagi

dikuasai oleh ekonomi maju.

Apabila ekonomi baharu berkembang tegas Yang Berhormat lagi, kita mesti membuka mata dan berada di barisan hadapan dalam mengambil peluang apabila ia datang, dan dari mana sahaja ia datang.

Menurut Yang Berhormat lagi, kita perlu mengenal pasti pemenang yang boleh dan akan berjaya dan yang lebih penting, menyediakan sumber yang diperlukan untuk mereka belajar, mencuba dan mengukur.

"Di samping itu, ia juga memerlukan penajaran pelan strategi dan pelaksanaan yang bernes dalam membentuk tenaga kerja hari ini.

"Oleh itu, pelaburan dalam modal

insan adalah penting untuk menggalakkan pembangunan berkualiti tinggi kumpulan bakat kami dan sepadan dengan tahap kecekapan yang diperlukan untuk memacu dan menyokong industri baru muncul," tambah Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan kita juga harus berhasrat untuk terus melibatkan diri dengan komuniti pakar dan profesional berkenaan untuk memastikan kita sentiasa mendapat maklumat tentang idea dan disiplin baharu kerana hanya selepas itu kita akan mendapat manfaat daripada pertumbuhan mampan jangka panjang ekonomi baharu pada tahun-tahun akan datang.



ANTARA yang hadir pada majlis berkenaan.

Berkongsi, kenal pasti pemacu utama ekonomi baharu



YANG Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II semasa menyaksikan pameran dan bergambar ramai (atas dan atas kanan).

JERUDONG, Isnin, 31 Oktober. - Asia Asset Management dengan sokongan Brunei Institute of Leadership and Islamic Finance (BILIF), telah menganjurkan The 14th Annual Brunei Darussalam - Roundtable Moving Forward : Drivers of the New Economy bertempat di The Empire Brunei, Jerudong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Acara yang diadakan selama sehari berkenaan membawa tema 'Melangkah Ke Hadapan : Pemacu Ekonomi Baharu' telah



menghimpunkan para penceramah daripada pelbagai latar belakang untuk membincangkan dan mengenal pasti beberapa pemacu utama ekonomi baharu, implikasi dan kesannya terhadap sektor kewangan, alam sekitar, perdagangan dan pelaburan.

Topik-topik berkenaan juga telah ditangani dalam konteks pandemik COVID-19 dan juga cara pasaran dan ekonomi muncul pada masa ini daripada tempoh berkenaan serta prospek untuk tahun 2023.

Acara turut membincangkan mengenai cara sektor kewangan berkembang, memandangkan kemunculan pendigitalan dan kesan kepada pengguna dan pelabur.

'Friendly Agro Industry'; dan 'Embracing AI of Investments'.

Orang ramai yang berminat untuk mendapatkan maklumat

lebih lanjut mengenai acara berkenaan, boleh menghantar e-mel kepada BILIF di inquiry@bilif.com.bn.

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia Sila muat turun PenggunaBijak

PenggunaBijak Smart

Jawatan Persekutuan Brunei Darussalam
JABATAN PERENCANAAN DAN STATISTIK
JABATAN KUASA DAN KERJAYA PENGURUSAN
KEMENTERIAN KUWANGAN DAN EKONOMI

Aplikasi PenggunaBijak Smart kini tersedia di App Store dan Google Play.

Smartphone displaying the PenggunaBijak app interface showing various food items and nutritional information.

MEMAJUKAN KAPASITI PEMANTAUAN

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 31 Oktober. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah berkata bahawa Negara Brunei Darussalam (NBD) komited bagi memainkan peranan dalam komitmen global untuk meneruskan Agenda 2030 sejak tahun 2015.

"Salah satu mesej utama yang ditekankan dalam Laporan Voluntary National Review (VNR), Pertama, NBD yang dibentangkan secara maya di Forum Politik Peringkat Tinggi mengenai Pembangunan Berdaya Tahan pada tahun 2020, ialah kita akan mencapai Matlamat Pembangunan Yang Berdaya Tahan (Sustainable Development Goals - SDGs) selaras dengan Wawasan Negara kita, Wawasan Brunei 2035," ujar Yang Berhormat semasa Sesi Pembukaan Bengkel Kebangsaan VNR Kedua bagi NBD yang

Voluntary National Review (VNR), Pertama, NBD yang dibentangkan secara maya pada Forum Politik Peringkat Tinggi mengenai Pembangunan Berdaya Tahan pada tahun 2020, ialah kita akan mencapai Matlamat Pembangunan Yang Berdaya Tahan (Sustainable Development Goals - SDGs) selaras dengan Wawasan Negara kita, Wawasan Brunei 2035," ujar Yang Berhormat semasa Sesi Pembukaan Bengkel Kebangsaan VNR Kedua bagi NBD yang

berlangsung di Dewan Teater, JPM, di sini.

Pada tahun 2023, jelas Yang Berhormat, NBD akan menyampaikan Laporan VNR Kedua, mengetengahkan pencapaian dan cabaran sejak VNR yang lalu.

Menurut Yang Berhormat, JPM selaku fokal agensi kebangsaan untuk memantau pelaksanaan SDGs bertujuan bagi pelaporan data dan maklumat terkini mengenai perkembangan SDGs serta tindakan pemuliharaan pasca pandemik ke atas sektor-sektor utama dalam meraih semula dan mempercepatkan pembangunan negara.

"Sebagai persediaan bagi VNR, kita mengakui salah satu kelemahannya ialah ketersediaan data yang diasingkan. Kepentingan pengumpulan data yang mantap dan tidak boleh terlebih catat.

"Kita memerlukan sumber data yang boleh dipercayai dalam pembuatan dasar. Dengan ini, saya berbesar hati memaklumkan tindakan segera dalam mengukuhkan kapasiti data telah membawa hasil dengan

kerjasama yang kukuh bersama Suruhanjaya Ekonomi dan Sosial Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Asia dan Pasifik.

"Kita kini sedang membangunkan indikator keutamaan SDGs untuk Negara Brunei Darussalam yang tidak lama lagi akan dimuat naik ke dalam sistem repositori data yang dipanggil SDG Tracker. Ini akan memajukan kapasiti pemantauan kita," ujar Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat menambah, persediaan lain ialah kajian semula perkembangan Stocktake VNR pertama, yang dijalankan oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Khas Penyelaras Kebangsaan mengenai SDGs.

Jelas Yang Berhormat lagi, salah satu penemuan awal menekankan pencapaian negara dalam SDGs sangat bergantung pada pendekatan seluruh negara di mana perkara ini memerlukan kerjasama yang lebih erat dan bermakna antara agensi kerajaan dan bukan kerajaan terutamanya pertubuhan bukan kerajaan, pertubuhan masyarakat sivil, sektor swasta dan ahli akademik.



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II berucap pada majlis berkenaan.

Menyedari nilai pendekatan seluruh negara, jelas Yang Berhormat, bengkel bertujuan untuk menggabungkan antara pencapaian dan cabaran dari pelbagai segmen masyarakat Brunei sebagai input untuk Laporan VNR Kedua, dalam memberikan gambaran sebenar perkembangan semasa SDGs di NBD.

Usaha senegara dalam melaksanakan SDGs



YANG Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir selaku tetamu kehormat pada Sesi Bengkel Kebangsaan Voluntary National Review (VNR) Kedua bagi Negara Brunei Darussalam (NBD) (atas dan kiri).

kerjasama dua hala di antara NBD dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations-UN) ke arah mencapai Agenda 2030 berkenaan.

Selepas sesi pembukaan bengkel, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II menyempurnakan pelancaran akaun Instagram rasmi SDGs kebangsaan SDGs_Brunei yang menjadi salah satu landasan media sosial dalam membarigakan perkembangan SDGs kebangsaan.

Objektif utama bengkel adalah sebagai persediaan input bagi penyediaan Laporan VNR Kedua bagi NBD yang akan dihadapkan ke High-Level Political Forum on



SEBAHAGIAN yang hadir pada Bengkel Kebangsaan VNR Kedua bagi NBD.



kerjasama yang kukuh bersama Suruhanjaya Ekonomi dan Sosial Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Asia dan Pasifik.

"Kita kini sedang membangunkan indikator keutamaan SDGs untuk Negara Brunei Darussalam yang tidak lama lagi akan dimuat naik ke dalam sistem repositori data yang dipanggil SDG Tracker. Ini akan memajukan kapasiti pemantauan kita," ujar Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat menambah, persediaan lain ialah kajian semula perkembangan Stocktake VNR pertama, yang dijalankan oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Khas Penyelaras Kebangsaan mengenai SDGs.

Jelas Yang Berhormat lagi, salah satu penemuan awal menekankan pencapaian negara dalam SDGs sangat bergantung pada pendekatan seluruh negara di mana perkara ini memerlukan kerjasama yang lebih erat dan bermakna antara agensi kerajaan dan bukan kerajaan terutamanya pertubuhan bukan kerajaan, pertubuhan masyarakat sivil, sektor swasta dan ahli akademik.



YANG Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir selaku tetamu kehormat pada Sesi Bengkel Kebangsaan Voluntary National Review (VNR) Kedua bagi Negara Brunei Darussalam (NBD) (atas dan kiri).

Sustainable Development pada tahun 2023.

Turut hadir pada bengkel tersebut adalah Timbalan-timbalan Menteri di JPM dan Setiausaha Tetap (Wawasan) JPM, Pengiran Haja Siti Nirmala binti Pengiran Haji Mohammad selaku Pengurus Jawatankuasa Khas Penyelaras Kebangsaan SDGs (JKPK SDGs) bagi NBD.

Bengkel juga dihadiri oleh ahli-ahli dan Sekretariat JKPK SDGs, wakil-wakil daripada pihak kerajaan, agensi-agensi UN, sektor swasta, Badan-badan Bukan Kerajaan, masyarakat sivil, ahli akademik, belia dan institusi kewangan.



SEBAHAGIAN yang hadir pada Bengkel Kebangsaan VNR Kedua bagi NBD.




kerjasama yang kukuh bersama Suruhanjaya Ekonomi dan Sosial Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Asia dan Pasifik.

"Kita kini sedang membangunkan indikator keutamaan SDGs untuk Negara Brunei Darussalam yang tidak lama lagi akan dimuat naik ke dalam sistem repositori data yang dipanggil SDG Tracker. Ini akan memajukan kapasiti pemantauan kita," ujar Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat menambah, persediaan lain ialah kajian semula perkembangan Stocktake VNR pertama, yang dijalankan oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Khas Penyelaras Kebangsaan mengenai SDGs.

Jelas Yang Berhormat lagi, salah satu penemuan awal menekankan pencapaian negara dalam SDGs sangat bergantung pada pendekatan seluruh negara di mana perkara ini memerlukan kerjasama yang lebih erat dan bermakna antara agensi kerajaan dan bukan kerajaan terutamanya pertubuhan bukan kerajaan, pertubuhan masyarakat sivil, sektor swasta dan ahli akademik.



Sustainable Development pada tahun 2023.

Turut hadir pada bengkel tersebut adalah Timbalan-timbalan Menteri di JPM dan Setiausaha Tetap (Wawasan) JPM, Pengiran Haja Siti Nirmala binti Pengiran Haji Mohammad selaku Pengurus Jawatankuasa Khas Penyelaras Kebangsaan SDGs (JKPK SDGs) bagi NBD.

Bengkel juga dihadiri oleh ahli-ahli dan Sekretariat JKPK SDGs, wakil-wakil daripada pihak kerajaan, agensi-agensi UN, sektor swasta, Badan-badan Bukan Kerajaan, masyarakat sivil, ahli akademik, belia dan institusi kewangan.



SEBAHAGIAN yang hadir pada Bengkel Kebangsaan VNR Kedua bagi NBD.




kerjasama yang kukuh bersama Suruhanjaya Ekonomi dan Sosial Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Asia dan Pasifik.

"Kita kini sedang membangunkan indikator keutamaan SDGs untuk Negara Brunei Darussalam yang tidak lama lagi akan dimuat naik ke dalam sistem repositori data yang dipanggil SDG Tracker. Ini akan memajukan kapasiti pemantauan kita," ujar Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat menambah, persediaan lain ialah kajian semula perkembangan Stocktake VNR pertama, yang dijalankan oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Khas Penyelaras Kebangsaan mengenai SDGs.

Jelas Yang Berhormat lagi, salah satu penemuan awal menekankan pencapaian negara dalam SDGs sangat bergantung pada pendekatan seluruh negara di mana perkara ini memerlukan kerjasama yang lebih erat dan bermakna antara agensi kerajaan dan bukan kerajaan terutamanya pertubuhan bukan kerajaan, pertubuhan masyarakat sivil, sektor swasta dan ahli akademik.



Sustainable Development pada tahun 2023.

Turut hadir pada bengkel tersebut adalah Timbalan-timbalan Menteri di JPM dan Setiausaha Tetap (Wawasan) JPM, Pengiran Haja Siti Nirmala binti Pengiran Haji Mohammad selaku Pengurus Jawatankuasa Khas Penyelaras Kebangsaan SDGs (JKPK SDGs) bagi NBD.

Bengkel juga dihadiri oleh ahli-ahli dan Sekretariat JKPK SDGs, wakil-wakil daripada pihak kerajaan, agensi-agensi UN, sektor swasta, Badan-badan Bukan Kerajaan, masyarakat sivil, ahli akademik, belia dan institusi kewangan.



SEBAHAGIAN yang hadir pada Bengkel Kebangsaan VNR Kedua bagi NBD.




kerjasama yang kukuh bersama Suruhanjaya Ekonomi dan Sosial Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Asia dan Pasifik.

"Kita kini sedang membangunkan indikator keutamaan SDGs untuk Negara Brunei Darussalam yang tidak lama lagi akan dimuat naik ke dalam sistem repositori data yang dipanggil SDG Tracker. Ini akan memajukan kapasiti pemantauan kita," ujar Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat menambah, persediaan lain ialah kajian semula perkembangan Stocktake VNR pertama, yang dijalankan oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Khas Penyelaras Kebangsaan mengenai SDGs.

Jelas Yang Berhormat lagi, salah satu penemuan awal menekankan pencapaian negara dalam SDGs sangat bergantung pada pendekatan seluruh negara di mana perkara ini memerlukan kerjasama yang lebih erat dan bermakna antara agensi kerajaan dan bukan kerajaan terutamanya pertubuhan bukan kerajaan, pertubuhan masyarakat sivil, sektor swasta dan ahli akademik.



Sustainable Development pada tahun 2023.

Turut hadir pada bengkel tersebut adalah Timbalan-timbalan Menteri di JPM dan Setiausaha Tetap (Wawasan) JPM, Pengiran Haja Siti Nirmala binti Pengiran Haji Mohammad selaku Pengurus Jawatankuasa Khas Penyelaras Kebangsaan SDGs (JKPK SDGs) bagi NBD.

Bengkel juga dihadiri oleh ahli-ahli dan Sekretariat JKPK SDGs, wakil-wakil daripada pihak kerajaan, agensi-agensi UN, sektor swasta, Badan-badan Bukan Kerajaan, masyarakat sivil, ahli akademik, belia dan institusi kewangan.



SEBAHAGIAN yang hadir pada Bengkel Kebangsaan VNR Kedua bagi NBD.




kerjasama yang kukuh bersama Suruhanjaya Ekonomi dan Sosial Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Asia dan Pasifik.

"Kita kini sedang membangunkan indikator keutamaan SDGs untuk Negara Brunei Darussalam yang tidak lama lagi akan dimuat naik ke dalam sistem repositori data yang dipanggil SDG Tracker. Ini akan memajukan kapasiti pemantauan kita," ujar Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat menambah, persediaan lain ialah kajian semula perkembangan Stocktake VNR pertama, yang dijalankan oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Khas Penyelaras Kebangsaan mengenai SDGs.

Jelas Yang Berhormat lagi, salah satu penemuan awal menekankan pencapaian negara dalam SDGs sangat bergantung pada pendekatan seluruh negara di mana perkara ini memerlukan kerjasama yang lebih erat dan bermakna antara agensi kerajaan dan bukan kerajaan terutamanya pertubuhan bukan kerajaan, pertubuhan masyarakat sivil, sektor swasta dan ahli akademik.



Sustainable Development pada tahun 2023.

Turut hadir pada bengkel tersebut adalah Timbalan-timbalan Menteri di JPM dan Setiausaha Tetap (Wawasan) JPM, Pengiran Haja Siti Nirmala binti Pengiran Haji Mohammad selaku Pengurus Jawatankuasa Khas Penyelaras Kebangsaan SDGs (JKPK SDGs) bagi NBD.

Bengkel juga dihadiri oleh ahli-ahli dan Sekretariat JKPK SDGs, wakil-wakil daripada pihak kerajaan, agensi-agensi UN, sektor swasta, Badan-badan Bukan Kerajaan, masyarakat sivil, ahli akademik, belia dan institusi kewangan.



SEBAHAGIAN yang hadir pada Bengkel Kebangsaan VNR Kedua bagi NBD.




kerjasama yang kukuh bersama Suruhanjaya Ekonomi dan Sosial Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Asia dan Pasifik.

"Kita kini sedang membangunkan indikator keutamaan SDGs untuk Negara Brunei Darussalam yang tidak lama lagi akan dimuat naik ke dalam sistem repositori data yang dipanggil SDG Tracker. Ini akan memajukan kapasiti pemantauan kita," ujar Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat menambah, persediaan lain ialah kajian semula perkembangan Stocktake VNR pertama, yang dijalankan oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Khas Penyelaras Kebangsaan mengenai SDGs.

Jelas Yang Berhormat lagi, salah satu penemuan awal menekankan pencapaian negara dalam SDGs sangat bergantung pada pendekatan seluruh negara di mana perkara ini memerlukan kerjasama yang lebih erat dan bermakna antara agensi kerajaan dan bukan kerajaan terutamanya pertubuhan bukan kerajaan, pertubuhan masyarakat sivil, sektor swasta dan ahli akademik.



Sustainable Development pada tahun 2023.

Turut hadir pada bengkel tersebut adalah Timbalan-timbalan Menteri di JPM dan Setiausaha Tetap (Wawasan) JPM, Pengiran Haja Siti Nirmala binti Pengiran Haji Mohammad selaku Pengurus Jawatankuasa Khas Penyelaras Kebangsaan SDGs (JKPK SD

Majlis keagamaan sempena HPPPN 2022



Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BERAKAS, Selasa, 1 November. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) mengadakan Majlis Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil, Membaca

Doa Kesukuran serta diselajurkan dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah sempena Sambutan Hari Peladang, Petani, Pernak dan Nelayan (HPPPN) 2022, di Masjid Ash-Shalihen, Berakas, di sini.

HPPPN ini diisytiharkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa baginda merasmikan Ekspo Pertanian dan Agrimakanan 2009, pada 19 November 2009, di Taman Agroteknologi Brunei,



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan semasa hadir pada Majlis Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil, Membaca Doa Kesukuran serta diselajurkan dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah sempena Sambutan Hari Peladang, Petani, Pernak dan Nelayan (HPPPN) 2022 (kiri dan atas).

Kampung Tungku.

Dengan pengisytiharan itu, HPPPN disambut pada setiap 1 November setiap tahun bagi mengiktiraf dan mengenang jasa-jasa para peladang, petani, pernak dan nelayan, dalam peranan mereka selaku penjana makanan bagi negara ini.

Hadir, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Manaf

bin Haji Metussin.

Juga hadir, Setiausaha Tetap, Timbalan - timbalan Setiausaha Tetap dari KSSUP, Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-pegawai dan Kakitangan dari jabatan-jabatan di bawah KSSUP.

Turut hadir, peladang-peladang, petani - petani, pernak - pernak dan nelayan - nelayan serta pengusaha - pengusaha agrimakanan, di seluruh negara.

HUBUNGAN NBD-TURKIYE DIPERKUKUHKAN DALAM PELBAGAI BIDANG



YANG Berhormat Menteri Pembangunan dan Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Turkiye ke Negara Brunei Darussalam semasa sesi bergambar ramai.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Hamzah Mohidin

GADONG, Isnin, 31 Oktober. - Republik Turkiye merupakan negara pertama mengiktiraf kedaulatan dan kenegaraan Negara Brunei Darussalam (NBD) secara rasmi sebelum pengisytiharan kemerdekaan NBD pada tahun 1984.

Sejak dari itu, hubungan keduanya buah negara terus diperkuhkan lagi dalam pelbagai bidang. Ini termasuklah dalam bidang pelancongan apabila jumlah pelancong dari NBD ke Republik Turkiye semakin meningkat malahan ramai para pelajar dari NBD melanjutkan pengajian mereka di Universiti

Republik Turkiye.

Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Turkiye ke NBD, Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Hamit Ersoy berucap demikian sempena Sambutan Pengisytiharan Republik Turkiye Ke-99 Tahun yang berlangsung di Hotel Antarabangsa Rizqun, di sini.

Tuan Yang Terutama juga mengongsikan bahawa NBD dan Republik Turkiye juga saling bertukar budaya dengan merangkumi pelbagai bidang antaranya, memanah, kaligrafi dan mengadakan Kursus Bahasa Turkiye di negara ini.

Justeru itu, TYT merakamkan ucapan terima kasih kepada Agensi Kerjasama dan Penyelaras Turkish (Turkish

Cooperation and Coordination Agency-TIKA) dan Institut Yunus Emre (Yunus Emre Institute-YEE), atas sokongan mereka dalam mengukuhkan lagi hubungan rapat di antara NBD dan Republik Turkiye secara amnya, dan khususnya untuk meningkatkan interaksi rakyat dengan rakyat.

Mewakili bagi pihak Kerajaan NBD, Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid dan isteri, Datin Fadzlin binti Hashim selaku tetamu kehormat majlis.

Sambutan berkeraan juga turut dimeriahkan lagi dengan Upacara Memotong Kek sempena Sambutan Pengisytiharan Republik Turkiye Ke-99 Tahun



YANG Berhormat Menteri Pembangunan dan TYT Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Turkiye ke Negara Brunei Darussalam semasa Upacara Memotong Kek sempena Sambutan Pengisytiharan Republik Turkiye Ke-99 Tahun.



ANTARA persembahan pada majlis berkeraan.

oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan dan TYT Profesor Dr. Hamit Ersoy berserta isteri masing-masing.

Sejurus selepas itu, majlis diteruskan dengan penyampaian sijil penyertaan bagi Kursus Bahasa Turkiye kepada seramai 18 orang peserta yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Sambutan berkeraan turut

diserikan lagi dengan beberapa persembahan, iaitu 'Solo Nay' daripada Encik Tayip Enes Korkmaz Nay (Traditional Sufi Music Performer) diikuti dengan persembahan oleh Encik Ahmet Hikmet Barutcugil (Water Marbling Artist) dan seterusnya Encik Dilek Ozcan (Illustrating Turkish Islamic Illumination Painting) sebelum acara berakhir dengan sesi bergambar ramai.

KOMITED TERHADAP KERJASAMA, PERTUKARAN ANTARABANGSA



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 November. - Republik Rakyat China bersedia bekerjasama dengan semua negara yang komited terhadap penggunaan angkasa lepas secara aman, termasuk Negara Brunei Darussalam (NBD) dan negara-negara ASEAN yang lain, untuk menjalankan lebih banyak kerjasama dan pertukaran antarabangsa.

Duta Besar Istimatewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke NBD, Puan Yang Terutama Yu Hong menjelaskan bahawa Republik

Rakyat China menghargai persahabatan antara kedua-dua negara dan berharap untuk terus mengukuhkan kerjasama dua hala, termasuk meningkatkan pertukaran antara pelajar-pelajar muda.

"China juga bersedia bekerjasama dengan NBD dan negara-negara ASEAN lain untuk mempromosikan keamanan dan pembangunan dunia," ujar Puan Yang Terutama semasa ASEAN Students Talk with Taikonauts yang diadakan di Sekolah Penerangan, Institut Pendidikan Teknikal Brunei



YANG Berhormat Menteri Pendidikan menerima cenderahati daripada Puan Yang Terutama Duta Besar Istimatewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam (kiri). Sementara gambar atas, ASEAN Students Talk with Taikonauts yang diadakan di Sekolah Penerangan, Institut Pendidikan Teknikal Brunei.

(IBTE), di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada sesi perbincangan itu ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

ASEAN Students Talk with Taikonauts anjuran ASEAN-China Center, the World Affairs Press and the China Manned Space Office, hari ini, turut dihadiri oleh penuntut-penuntut terdiri daripada IBTE, Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Universiti Teknologi Brunei (UTB), Politeknik Brunei (PB). Acara tersebut turut dihadiri oleh penuntut-penuntut

dari Negara-negara Anggota ASEAN yang lain secara maya.

Para penuntut berpeluang mengadakan perbincangan serta menyertai sesi soal jawab bersama tiga anak kapal yang sedang dalam perjalanan rasmi di Stesen Angkasa Tiangong China iaitu Chen Dong, Liu Yang dan Cai Xuzhe.

Stesen Angkasa Lepas Tiangong atau Heavenly Palace ialah stesen angkasa tetap baharu China. China sebelum ini telah melancarkan dua stesen angkasa percubaan sementara, dinamakan sebagai Tiangong-1 dan Tiangong-2.

Pada majlis itu, Puan Yang

Terutama Yu Hong juga menyampaikan cenderahati berupa model Stesen Angkasa Lepas Tiangong kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Juga hadir, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Naib Canselor UBD, Rektor UNISSA, Pemangku Naib Canselor UTB, Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Pengarah Pendidikan Teknikal, Kementerian Pendidikan dan Ketua Pegawai Eksekutif IBTE, Pemangku Pengarah Politeknik Brunei, pegawai-pegawai kanan Kementerian Pendidikan dan para pensyarah.

Kenali lebih dekat pengusaha dalam Industri Tekstil, Kreatif



Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BERAKAS, Isnin, 31 Oktober. - Pusat Pembangunan Belia (PPB) buat julung-julung kalinya melaksanakan satu lagi inisiatif baru dengan kerjasama Aewon Garment & Embroidery, iaitu Pameran Kursus Atelier Fesyen & Desain Apparel (KAFDA) yang diadakan selama tiga hari mulai 29 hingga 31 Oktober 2022.

Sehubungan itu, Majlis Pelancaran Pameran Program Komuniti KAFDA, Tahun 2022 diadakan di Aewon Garment & Embroidery Showroom, Tingkat 1 (Unit 32-34), Airport Mall, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya melancarkan pameran berkenaan, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad.

Pameran KAFDA merupakan hasil daripada Program Komuniti, KAFDA yang baru diperkenalkan dan dilaksanakan bermula 8 Ogos 2022 dan berakhir pada 5 Oktober

2022.

Program berkenaan merupakan sebuah latihan kemahiran secara *upskilling*, iaitu terbuka kepada para peserta kursus yang sudah mempunyai kemahiran jahitan dan ingin mempelajari kemahiran desain grafik dengan mengendalikan hasil rekaan melalui aplikasi seperti Adobe Illustrator.

Pameran KAFDA bermatlamat untuk menjadi platform kepada para peserta kursus untuk mempamerkan hasil rekaan tangan mereka masing-masing selama mengikuti kursus berkenaan di samping menyediakan peluang bagi *business-matching* dan mengenali dengan lebih dekat para pengusaha tempatan dalam bidang Industri Tekstil dan Kreatif.

Dengan inisiatif berkenaan juga akan memberikan peluang dalam mencungkil pelbagai bakat baru dalam bidang rekaan dan pembuatan pakaian ke arah membangun dan mengembangkan



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pelancaran Pameran Program Komuniti KAFDA, Tahun 2022 diadakan di Aewon Garment & Embroidery Showroom, Tingkat 1 (Unit 32-34), Airport Mall (kiri dan atas).

belia serta komuniti tempatan agar menjadi masyarakat yang berdikari yang akan dapat membantu mengukuhkan ekonomi tempatan khususnya Industri Tekstil dan Kreatif.

Pameran KAFDA melibatkan seramai 14 peserta kursus dan diiringi oleh empat syarikat tekstil di bawah Program Inkubator PPB yang telah diperkenalkan sejak tahun 2020, iaitu Zoha HN Enterprise; Gentleman Stitch Enterprise; Cerita Fabrikku Sdn. Bhd.; dan Perusahaan Mazroni BKP dan Rakan-rakan.

Daripada seramai 14 peserta Kursus KAFDA berkenaan, seramai lima peserta terdiri daripada para pelatih Pusat Bahagia yang dibantu oleh seorang penterjemah Bahasa Isyarat.

Dengan penyertaan daripada golongan sasaran berkenaan telah membuktikan bahawa skop fungsi dan peranan PPB telah diperluaskan dengan penyertaan komuniti secara inklusif dalam melaksanakan pelbagai kursus yang *market-driven* selaras dengan visinya yang baharu, iaitu

'Memperkasa Komuniti Ke Arah Kecemerlangan'.

PPB juga dihasratkan untuk menjadi sebuah Pusat Kecemerlangan Latihan Kemahiran yang mempunyai kumpulan sasaran komuniti yang inklusif termasuk golongan Orang Kurang Upaya (OKU), melalui Program Pembangunan Keupayaan yang dapat melahirkan 21st Century Multi-Skills Human Resource yang Future Ready yang akan dapat memenuhi keperluan industri dengan menerapkan kemahiran inovasi dan keusahawanan yang mampan.

Usaha berkenaan juga adalah salah satu usaha Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui PPB dalam menyahut titah-titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-17 pada tahun 2022 dan semasa Lawatan Tidak Berjadual baginda ke KKBS pada 30 November 2020.

Dengan kerjasama daripada

beberapa rakan strategik seperti Pusat Bahagia, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dan Syarikat Aewon Garment & Embroidery, pameran KAFDA berkenaan akan dapat menyahut titah-titah berkenaan, dan pameran berkenaan akan menjadi platform dalam melahirkan pelbagai individu yang kreatif yang berkecimpung dalam bidang keusahawanan secara inklusif khususnya dalam bidang industri pakaian tempatan untuk mempamerkan hasil ciptaan atau pakaian jenama mereka sendiri.

Turut hadir pada majlis berkenaan, Setiausaha Tetap (Kesukuanan), KKBS, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud; Setiausaha Tetap (Kebudayaan), KKBS, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan; Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), KKBS, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari; dan Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), KKBS, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah.

SHENA TANDATANGANI KONTRAK BERSAMA 10 PERANTIS

Siaran Akbar dan Foto : Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 November. - Satu Majlis Penandatanganan Kontrak Perjanjian Skim Perantisan Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA) diadakan di Dewan Bankuet, Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Acara ini adalah anjuran bersama SHENA dan JobCentre Brunei (JCB) di bawah Manpower Planning and Employment Council (MPEC).

Hadir selaku tetamu kehormat menyaksikan Majlis Penandatanganan tersebut, Timbalan Menteri Jabatan Tenaga di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Matsatejo bin Sokiaw selaku wakil peribadi kepada Menteri di JPM, Yang

Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejai Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof sebagai Menteri Yang Bertanggungjawab bagi SHENA.

Turut hadir, Ketua Sekretariat Tetap MPEC, Dr. Hajah Siti Haziah binti Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Dalam ucapan alu-aluan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Sementara SHENA, Awang Haji Azhar bin Haji Yahya, beliau menekankan, bahawa acara ini merupakan satu tonggak pencapaian yang penting dalam membangunkan impak positif untuk terus membina dan mempertingkatkan budaya keselamatan serta kesihatan di Negara Brunei Darussalam dan

meningkatkan prestasi keselamatan serta kesihatan secara keseluruhan, di peringkat nasional.

Sepuluh perantis bagi kohort pertama Skim Perantisan SHENA menandatangani Kontrak Perjanjian tersebut dan menandatangani bagi pihak SHENA, Ketua Pegawai Eksekutif Sementara SHENA. Majlis diakhiri dengan sesi bergambar ramai.

Bertujuan untuk melahirkan Pegawai Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja (WSH Officer) yang berkemahiran tinggi, Skim Perantisan SHENA adalah program pembangunan dengan rangka kerja yang teratur, di mana perantis akan berkhidmat di SHENA di dalam program i-Ready selama 18 bulan dan kemudian disambung selama enam bulan lagi.

Selama di dalam program ini,



YANG Mulia Timbalan Menteri Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri (JPM) hadir selaku tetamu kehormat menyaksikan Majlis Penandatanganan Kontrak Perjanjian Skim Perantisan Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA).

SHENA akan melengkapkan perantis dengan pengalaman kerja yang relevan melalui kemahiran praktikal dan pensijilan berkaitan

untuk meningkatkan kemahiran dan kebolehpasaran mereka, sekali gus menjadikan mereka *industry ready*.



YANG Mulia Timbalan Menteri Jabatan Tenaga di JPM semasa bergambar ramai pada majlis yang berlangsung di Dewan Bankuet, JPM.

Mata wang kripto tidak sah diperlakukan di NBD

Siaran Akbar : Brunei Darussalam Central Bank

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 November. - Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) sebelum ini telah mengeluarkan dua siaran akbar mengenai mata wang kripto iaitu pada 22 Disember 2017 dan 24 April 2018 yang lalu.

BDCB sekali lagi ingin menekankan bahawa mata wang kripto tidak sah diperlakukan di Negara Brunei Darussalam (NBD) dan tidak dikawal selia oleh BDCB memandangkan ia beroperasi secara bebas daripada autoriti-autoriti monetari atau bank-bank pusat.

Walau bagaimanapun, aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan penggunaannya berkemungkinan dikawal selia jika ia termasuk di dalam mana-mana perundangan di bawah bidang kuasa BDCB di mana keperluan-keperluan khusus mesti dipatuhi.

Ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada, perniagaan atau individu yang menyediakan perkhidmatan kewangan kepada orang awam dalam bentuk pengambilan deposit, pemberian pinjaman, pengiriman dana masuk atau keluar negeri, perkhidmatan pertukaran mata wang asing dan

pengeluaran sekuriti.

Sehingga kini, BDCB terus memantau perkembangan isu-isu berkaitan dengan mata wang kripto untuk memastikan langkah-langkah regulatori adalah setimpal dengan risikonya.

BDCB mengambil maklum terhadap pertumbuhan pesat mata wang kripto secara global dan seterusnya, minat dalam kalangan orang ramai yang meningkat.

Sehubungan itu, BDCB sedang membentuk rangka kerja perundungan dan pengawalseliaan bagi melesenkan dan menyelia mata wang kripto dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengannya.

BDCB mengambil maklum bahawa salah satu aktiviti yang semakin mendapat perhatian ialah penempaan mata wang kripto (*crypto mining*).

Penempaan mata wang kripto adalah satu proses yang mengesahkan transaksi-transaksi dalam rangkaian Blockchain untuk menghasilkan mata wang kripto baru dengan menyelesaikan *cryptographic puzzles* yang rumit.

Proses ini memerlukan penggunaan mesin dengan kuasa pengkomputeran yang besar

dan melibatkan penggunaan elektrik yang tinggi. Dalam hal ini, penggunaan komputer atau mesin-mesin lain secara khusus untuk menjalankan aktiviti penempaan mata wang kripto adalah di luar bidang kuasa BDCB.

Namun demikian, BDCB akan berusaha untuk bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang relevan bagi menangani isu-isu berkaitan dengan penempaan mata wang kripto.

BDCB mempunyai peranan yang penting dalam melindungi kepentingan dan integriti sistem kewangan NBD.

Oleh itu, BDCB ingin menekankan kepada orang ramai untuk berhati-hati sebelum berurus dengan mata wang kripto serta produk-produk berkaitan dengannya dan memahami secara menyeluruh risiko-risiko yang berkaitan.

Orang ramai juga diingatkan untuk berhati-hati dengan penipuan mata wang kripto yang menjanjikan pulangan yang tinggi melalui pelaburan yang banyak diiklankan dalam talian dan melalui media sosial.

Bagi sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, orang ramai bolehlah menghubungi BDCB



melalui talian +673 8318388 atau e-mel info@bdcb.gov.bn atau melayari laman sesawang BDCB di www.bdcb.gov.bn atau dengan mengikuti laman sosial Instagram @centralbank.brunei.

Mentalak Anggota Badan Isteri

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

MENGUCAP talak atau cerai merupakan suatu perkara yang tidak boleh dipermain-mainkan kerana talak boleh jatuh tanpa disedari. Salah satu isu yang dibincangkan oleh para ulama ialah perkara mentalak anggota badan isteri seperti seorang suami berkata kepada isterinya : "Aku ceraikan badanmu", "Aku ceraikan rambutmu" dan sebagainya. Adakah jatuh talak dengan lafaz talak seperti ini? Irsyad Hukum kali ini akan menjelaskan mengenai persoalan ini serta perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Menurut para ulama, penetapan hukum sama ada jatuh atau tidak talak yang dilafazkan terhadap anggota badan isteri tertakluk kepada anggota badan mana yang disebut dalam lafaz talak. Anggota tersebut dinilai terlebih dahulu sama ada ia dikira sebagai sebahagian daripada badan isteri ketika dijatuhkan talak atau sebaliknya. Penjelasannya seperti berikut:

1) Mentalak anggota zahir yang belum terpisah daripada badan isteri.

Sekiranya seorang suami berkata kepada isterinya : "Aku ceraikan badanmu", "Aku ceraikan separuh badanmu", "Aku ceraikan tangamu", "Aku ceraikan gigimu" dan seumpamanya, maka jatuh talak dengan lafaz-lafaz talak tersebut, sama ada anggota badan isteri disebut secara khusus seperti tangan dan gigi atau secara umum seperti separuh badan.

Begitu juga sekiranya seorang suami mentalak anggota-anggota yang pada kebiasaannya akan berpisah daripada badan ketika hidup seperti suaminya itu

MENTALAK anggota zahir yang sudah terpisah daripada badan isteri.

Sekiranya seorang suami berkata kepada isterinya yang kudung seluruh tangan kanannya : "Aku ceraikan tangan kananmu", maka dalam hal ini, tidak jatuh talak kerana isterinya tidak memiliki anggota yang ditalak oleh suami.

Sekiranya seorang suami mentalak salah satu anggota badan isteri secara *ta'līq* (bersyarat) lalu anggota tersebut kudung sebelum berlaku perkara yang disyaratkan, maka tidak jatuh talak. Sebagai contoh seorang suami berkata kepada isterinya : "Sekiranya engkau keluar daripada rumahku ini, maka tertalaklah tangan kananmu". Selepas suaminya melafazkan talak secara *ta'līq* itu, tangan kanan isterinya pun kudung lalu selepas itu isterinya pun keluar daripada rumah suaminya.

Dalam contoh di atas, tidak jatuh talak kerana ketika isterinya melakukan perkara yang disyaratkan dalam talak (keluar daripada rumah), tangan kanan isterinya sudah kudung. Oleh yang demikian, dalam situasi ini suaminya dikira sebagai mentalak anggota yang tidak lagi dimiliki isterinya.

berkata : "Aku ceraikan rambutmu", "Aku ceraikan kukumu" dan sebagainya, maka jatuh talak dengan lafaz-lafaz tersebut walaupun yang ditalak itu hanya sehelai rambut atau satu kuku.

Dihukumkan jatuh talak dengan mentalak anggota badan isteri ini adalah berdasarkan *ijma'*. Antara hujjah ulama bagi ketetapan ini ialah apa yang disebut oleh asy-Syaikh al-Khatib asy-Syarbini *Rahimahullah* dalam kitabnya *Mughni al-Muhtaj* :

Ertinya : Kerana sesungguhnya seorang perempuan itu tidak boleh dibahagi-bahagi dirinya dalam hukum nikah, maka wajib mengumumkannya (*talak kepada anggota badan isteri*).

Ini bermaksud talak itu tidak boleh jatuh terhadap sebahagian anggota badan isteri sahaja kerana apabila seorang lelaki menikahi seorang perempuan, dia menikahi diri perempuan itu secara menyeluruh dan bukan menikahi anggota-anggota atau bahagian-bahagian tertentu perempuan itu sahaja. Oleh yang demikian, wajiblah talak jatuh secara menyeluruh terhadap perempuan itu sepertimana dalam perkara nikah walaupun yang ditalak itu sebahagian anggota badannya sahaja.

2) Mentalak anggota zahir yang sudah terpisah daripada badan isteri.

Sekiranya seorang suami berkata kepada isterinya yang kudung seluruh tangan kanannya : "Aku ceraikan tangan kananmu", maka dalam hal ini, tidak jatuh talak kerana isterinya tidak memiliki anggota yang ditalak oleh suami.

Sekiranya seorang suami mentalak salah satu anggota badan isteri secara *ta'līq* (bersyarat) lalu anggota tersebut kudung sebelum berlaku perkara yang disyaratkan, maka tidak jatuh talak. Sebagai contoh seorang suami berkata kepada isterinya:

"Aku ceraikan janggutmu", talak jatuh terhadap isterinya sekiranya isterinya itu mempunyai janggut walaupun sedikit. Jika isterinya tidak mempunyai janggut, maka tidak jatuh talak tersebut.

"Sekiranya engkau keluar daripada rumahku ini, maka tertalaklah tangan kananmu". Selepas suaminya melafazkan talak secara *ta'līq* itu, tangan kanan isterinya pun kudung lalu selepas itu isterinya pun keluar daripada rumah suaminya.

Dalam contoh di atas, tidak jatuh talak kerana ketika isterinya melakukan perkara yang disyaratkan dalam talak (keluar daripada rumah), tangan kanan isterinya sudah kudung. Oleh yang demikian, dalam situasi ini suaminya dikira sebagai mentalak anggota yang tidak lagi dimiliki isterinya.

3) Mentalak anggota batin badan atau organ dalaman isteri.

Sekiranya seorang suami berkata kepada isterinya : "Aku ceraikan jantungmu", "Aku ceraikan hatimu", "Aku ceraikan rahimmu" dan sebagainya, maka jatuh talak dengan lafaz tersebut kerana jantung dan seumpamanya itu dikira sebagai sebahagian daripada badan isteri.

Adapun janin atau kandungan dalam perut isteri pula adalah dikira sebagai orang lain (anak) dan tidak dikira sebagai bahagian anggota badan isteri. Oleh yang demikian, sekiranya suami mentalak janin atau kandungan isterinya, maka tidak jatuh talak terhadap isterinya.

4) Mentalak anggota badan yang tidak dimiliki isteri.

Sekiranya seorang suami berkata kepada isterinya : "Aku ceraikan zakarmu" dan sebagainya, maka tidak jatuh talak dengan lafaz talak seperti ini kerana isterinya tidak memiliki anggota yang ditalak oleh suaminya itu.


Menurut Imam asy-Syibrāmāllī *Rahimahullah*, sekiranya suami berkata : "Aku ceraikan janggutmu", talak jatuh terhadap isterinya sekiranya isterinya itu mempunyai janggut walaupun sedikit. Jika isterinya tidak mempunyai janggut, maka tidak jatuh talak tersebut.

5) Mentalak cecair badan isteri.

Sekiranya seseorang mentalak cecair sisa-sisa badan isterinya seperti peluh, kahak, air liur, air kencing dan sebagainya, maka tidak jatuh talak kerana cecair-cecair tersebut bukan anggota yang bersambung secara hakiki kepada isteri.

Begitu juga tidak jatuh talak sekiranya suami mentalak air susu atau air mani isteri kerana menurut para ulama, air susu dan air mani adalah cecair yang sudah tersedia untuk keluar dari badan isteri. Oleh yang demikian, kedua-duanya itu bukan sebahagian daripada anggota badan isteri.

Berlainan halnya dengan darah dan lemak badan kerana menurut para ulama kedua-duanya itu termasuk sebahagian



daripada badan. Oleh yang demikian, sekiranya suami mentalak darah dan lemak badan isteri, maka jatuh talak.

6) Mentalak sifat-sifat isteri.

Seorang suami yang mentalak akal pemikiran isteri, penglihatannya, pendengarannya atau percakapannya, atau mentalak sifat-sifat tubuh isterinya seperti kecantikannya atau kehodohnya atau kegemukannya, maka tidak jatuh talak kerana semua yang disebut dalam contoh di atas bukan sebahagian daripada anggota badan isteri.

Menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami dan Imam al-Qalyubi *Rahimahumallah*, begitu juga tidak jatuh talak sekiranya suami mentalak bayang-bayang isteri, kesihatannya atau penyakitnya.

Sekiranya seorang suami berkata kepada isterinya : "Aku ceraikan hayatmu", talak tidak jatuh melainkan jika yang dimaksudkan oleh suami dalam lafaz talaknya itu adalah roh atau darah. Sekiranya dia tidak bermaksud sedemikian, iaitu hanya bermaksud hayat atau kehidupan, maka tidak jatuh talak.

Berdasarkan penjelasan-penjelasan di atas dapat difahami bahawa talak jatuh sekiranya anggota badan isteri yang ditalak itu adalah anggota yang bersambung secara hakiki kepada isteri ketika dilafazkan talak. Adapun jika anggota badan tersebut tidak bersambung secara hakiki kepada isteri ketika dilafazkan talak, atau isteri memang tidak memiliki anggota tersebut, atau yang ditalak itu adalah sifat atau perbuatan isteri, maka tidak jatuh talak.

منجو كريضاعن الله

MENUJU KEREDAAN ALLAH

كل لأن فوسة دعوه اسلاميه

SLAM telah menyarankan umatnya sentiasa mengerjakan kebajikan. Keinginan berlumba-lumba untuk mengerjakan kebajikan pastinya wujud di dalam setiap diri orang Muslim. Bagi mendapatkan pahala adalah cukup mudah. Bukan setakat mengerjakan apa yang diperintahkan atau meninggalkan perbuatan yang dilarang oleh Allah Subhanahu Wata'ala sahaja akan diberikan pahala, malah mengajak kepada berbuat kebajikan, berbuat baik atau memberikan contoh, membimbing, menasihati dan mengingatkan orang lain kepada kebajikan juga adalah dikira sebagai ibadah yang akan diberikan ganjaran pahala. Firman Allah Subhanahu Wata'ala di dalam Surah Al-Hajj, ayat 77, mafhumnya :

"Wahai orang-orang yang beriman! Ruku' dan sujudlah serta sembahlah Tuhan kamu dan lakukanlah kebajikan supaya kamu beroleh kemenangan".

Di dalam Islam, mengerjakan kebajikan tidak hanya dikhususkan kepada keperluan

Berlumba dalam perkara kebajikan

soleh, mereka itulah sebaik-baik makhluk".

Untuk memperoleh manfaat yang maksimum daripada persaingan untuk mengerjakan kebajikan, ia hendaklah dikerjakan terus menerus agar dapat membentuk sikap istiqamah, ikhlas dan bertanggungjawab. Dari situlah diperlukan sikap saling bersaing secara sihat dalam berbuat kebajikan.

Antara hikmahnya ialah dapat menumbuhkan rasa cinta pada ajaran agama Islam dan memperoleh reda Allah Subhanahu Wata'ala dan mendapat pahala yang banyak. Di samping itu jua, ia dapat menimbulkan rasa ikhlas dalam hati dan menjadikan kita sebagai hamba yang memiliki akhlak mulia dan dimuliakan Allah Subhanahu Wata'ala, seperti firman-Nya dalam Surah Al-Hujurat, ayat 13, mafhumnya :

"... Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa antara kamu..."

Hikmah lain ialah dapat berpeluang menjadi hamba yang paling bermanfaat. Hadis riwayat ath-Thabrani daripada Jabir Radiallahu 'anhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, maksudnya :

"Orang beriman itu bersikap ramah, dan tidak ada kebaikan bagi siapa yang tidak bersikap ramah dan sebaik-baik manusia itu adalah yang memberi manfaat kepada manusia".

Namun begitu, dalam melakukan kebaikan, niat kita hendaklah ikhlas dan bersih. Bersegeralah melakukan kebajikan dan jangan bertangguh-tangguh walau kebajikan yang dilakukan itu kecil dan ajaklah dan galakkan orang melakukan kebajikan bersama-sama untuk mendapat ganjaran yang setimpal daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Anbiyyah, ayat 94, mafhumnya :

"Maka sesiapa yang mengerjakan amalan-amalan soleh sedang ia beriman maka tidaklah disia-siakan usahanya itu dan sesungguhnya Kamilah yang mencatat amalannya itu (untuk membalaunya)".

Kita manfaatkan sebaik mungkin untuk mempersiapkan diri kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan takwa yang sebenar-benarnya demi meraihkan kebahagiaan yang abadi di akhirat kelak.

kewangan dan kebendaan semata-mata, malah merangkumi juga aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan bidang-bidang sosial, ekonomi dan kemasyarakatan. Fungsi seorang Muslim dalam kehidupan ini merangkumi ketaatan pada tuhannya dengan mengerjakan ibadat sebagaimana merangkumi semua jenis amalan kebaikan. Jelas bahawa Islam adalah agama yang mengutamakan perkara-perkara kebaikan dan menggalakkan umatnya supaya berlumba-lumba melakukannya. Firman-Nya dalam Surah Al-Baqarah, ayat 148, mafhumnya :

"Dan bagi tiap-tiap umat itu ada kiblat yang dihadapnya maka berlumba-lumba kamu untuk mengerjakan kebajikan. Di mana sahaja kamu berada maka Allah tetap akan menghimpunkan kamu semua (pada hari Kiamat untuk menerima balasan). Sesungguhnya Allah Maha Berkusa atas tiap-tiap sesuatu".

Manusia yang mengerjakan amalan kebajikan disifatkan sebagai makhluk yang paling baik. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Bayyinah, ayat 7, mafhumnya :

"... Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan

UNISSA ANJUR HARI ANTARABANGSA



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Hari Antarabangsa UNISSA dengan tema 'Jati Diri dan Semangat Antarabangsa', bertempat di Auditorium UNISSA (atas dan atas kanan).

■ Siaran Akbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 31 Oktober. - Seramai 137 dari 15 buah negara yang menjadikan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) sebagai destinasi pengajian telah diraikan pada Majlis Hari Antarabangsa UNISSA dengan tema 'Jati Diri dan Semangat Antarabangsa' bertempat di Auditorium UNISSA, hari ini.

Majlis yang dianjurkan oleh Pejabat Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama Unit Hal Ehwal Antarabangsa (UHEA), Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) tersebut dihadiri oleh Rektor UNISSA, Dr. Haji Norafan bin Haji Zainal selaku tetamu kehormat.

Acara diisikan dengan Pameran Kebudayaan daripada negara-negara asal pelajar

antarabangsa di UNISSA iaitu dari Singapura, Indonesia, Thailand, Republik Arab Mesir, China, Jepun, Pakistan, Palestin, Nepal, Maghribi, Nigeria, Ghana, Kenya dan Gambia.

Antara yang ditampilkan ialah tradisi pakaian, makanan dan juga permainan tradisional.

Turut memeriahkan acara ialah Forum Sesi Perkongsian Pelajar Antarabangsa, terdiri ahli panelnya, Abdul Syukor Samoh,

iaitu pelajar Tahun 4 Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam yang berasal dari Thailand dan Puteri Sabariah binti Ayob iaitu pelajar Tahun 3 Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam yang berasal dari Singapura.

Acara juga diserikan dengan tayangan video dan Persembahan Sketsa daripada pelajar antarabangsa yang disaksikan sama penolong-penolong rektor, pegawai-pegawai utama, para

pensyarah serta para mahasiswa UNISSA.

Objektif majlis ini adalah untuk memperkenalkan pelbagai budaya dan latar belakang yang berbeza dalam kalangan pelajar antarabangsa.

Selain itu juga, ia menyatakan perpaduan di antara pelajar antarabangsa dengan pelajar tempatan melalui perkongsian adat tradisi negara dan juga pengalaman sepanjang mengikuti pengajian di UNISSA.



MINDA PEMBACA

Lazimi kehidupan sehari-hari dengan zikir

KETENANGAN jiwa adalah nikmat yang sangat berharga yang diidamkan oleh setiap insan. Allah Subhanahu Wata'ala telah menjanjikan di dalam Al-Quran kepada hamba-hamba-Nya bahawa ketenangan dan ketenteraman jiwa itu boleh diperoleh dengan cara berzikir kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Berzikir adalah ibadah untuk kita mengingati Allah Subhanahu Wata'ala dengan memuji kebesaran-Nya seperti bertasbih, bertahmid, bertakbir dan sebagainya. Ia merupakan ibadah yang dituntut untuk melakukannya pada setiap masa dan tempat dengan cara-cara yang diharuskan oleh syarak sama ada dengan ucapan, perbuatan

atau dengan hati.

Mengingati Allah Subhanahu Wata'ala adalah satu usaha yang berkesan untuk mempertingkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala, dan Allah Subhanahu Wata'ala juga memerintahkan kepada hamba-hamba-Nya untuk sentiasa mengingatinya, sebagai amanah firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Ahzab, ayat 41 yang terjemahannya, "Wahai orang-orang yang beriman, (untuk bersyukur kepada Allah) ingatlah serta sebutlah nama Allah dengan ingatan serta sebutan yang sebanyak-banyaknya".

Zikir adalah asas rasa syukur diri kita terhadap Allah Subhanahu Wata'ala.

Semakin banyak kita berzikir bermakna semakin banyaklah rasa kesyukuran kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Setiap lidah yang sentiasa basah kerana zikir akan terlepas dari mengucapkan kata-kata atau perkara-perkara yang tidak berfaedah serta merosakkan. Apa juga jenis kerosakan yang berpunca daripada lidah seperti menipu, fitnah dan mengumpat akan terhalang disebabkan zikir.

Sebagai hamba Allah, marilah kita berusaha untuk memperbanyak mengingati Allah Subhanahu Wata'ala walau di mana kita berada kerana segala sesuatu yang berlaku di dunia ini adalah atas kehendak-Nya. Jika sentiasa ingat kepada Allah

Subhanahu Wata'ala ketika senang, pastinya Allah akan mengingati kita ketika dalam kesukaran dan kesulitan. Sesiapa yang berusaha untuk mendekati dirinya kepada Allah Subhanahu Wata'ala pasti akan mendapat apa yang diinginkan malah doa akan dimakbulkan-Nya, seperti mana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 152 yang terjemahannya, "Maka ingatlah kamu kepadaKu, Aku pun akan ingat kepada kamu. Bersyukurlah kepadaKu dan janganlah kamu kufur (akan nikmatKu)".

Nama : Muhammad Rahmat bin Roslan
No. K/P : 01-107XXX (K)

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Kesihatan Mental Harus Diberi Perhatian'. Tarikh Tutup : 2 November 2022
2. 'Kukuhkan Institusi Keluarga Dengan Acuan Islam'. Tarikh Tutup : 9 November 2022
3. 'Tingkatkan Kesedaran Penyakit Tidak Berjangkit'. Tarikh Tutup : 16 November 2022

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarik jarak **langkah dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300** patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berkas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

**Menangi
BND75
SETIAP MINGGU**

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

PJSC LANCAR NUCLEAR CARDIOLOGY SERVICES

>> Muka 4

Dengan perkhidmatan ini, para pakar boleh mendapatkan maklumat mengenai aliran darah ke jantung dan boleh menilai fungsi jantung. Dengan teknik Nuclear Cardiology ini, ia boleh mendiagnosis dan membezakan

pesakit-pesakit di mana pengurusan perubatan membantu atau bercampur seperti CABG atau stenting diperlukan.

Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II serta Yang Berhormat Menteri Kesihatan bersama dengan Pengarah Eksekutif, Dr. Haji Mazrul Adimin bin Haji

Awang Besar; Pengarah Perubatan, Dr. Meera Sahib Kabeer dan Pengarah TBCC, Dato SLJ Dr. Babu Sukumaran seterusnya melawat The Nuclear Medicine Department dan kemudahan-kemudahan di Radiopharmaceutical.

Ketua Bahagian Nuclear Medicine, Dr. Hamid Naseer

■ Siaran Akhbar : Pusat Pakar Pantai Jerudong

menekankan tentang perkhidmatan sedia ada di bahagian tersebut.

Beliau menekankan keperluan untuk memperluaskan perkhidmatan nuklear bagi penggunaan bahan nuklear secara aman di Negara Brunei

Darussalam bagi menyediakan penjagaan kepada pesakit kanser dan kardiologi.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah pengurusan kanan PJSC, key stakeholder, ketua jabatan, pegawai dan kakitangan PJSC.

Kaji Selidik Status Kesihatan dan Pemakanan Kebangsaan Fasa Pertama : November 2022 hingga Januari 2023

■ Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 November. - Sepertimana yang dinyatakan oleh Timbalan Setiausaha Tetap, Dr. Ang Swee Hui, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar mengumumkan pada 3 Oktober 2022, mengenai pelaksanaan Kaji Selidik Status Kesihatan dan Pemakanan Kebangsaan Kali Ke-3.

Alhamdulillah, kaji selidik ini akan dilaksanakan dengan kerjasama Universiti Brunei Darussalam (UBD) serta sokongan dari WHO dan UNICEF.

Tujuan kaji selidik ini adalah untuk memberikan gambaran penuh terhadap prevalen dan trend Penyakit-penyakit Tidak Berjangkit (NCDs) serta faktor risiko berkaitan, termasuk penyakit Darah Tinggi, penyakit Kencing Manis, kadar kolesterol dalam darah yang tinggi, Obesiti, penggunaan tembakau, amalan pemakanan dan pengambilan

alkohol.

Di samping menilai status kesihatan dan pemakanan Penduduk Negara Brunei Darussalam, termasuk golongan kanak-kanak dan para wanita.

Hasil kaji selidik ini akan membantu Kementerian Kesihatan, dalam menilai keberkesanannya strategi-strategi dan program-program kesihatan yang disediakan di negara ini, dalam pencegahan serta pengawalan NCDs dan faktor risiko berkaitan.

Kaji selidik ini juga akan dapat membantu Kementerian Kesihatan untuk menilai status kemajuan, dalam mencapai sasaran dan matlamat berkaitan dengan kesihatan dan pemakanan, di peringkat negara, serantau serta global.

Dengan hasil kaji selidik ini juga, Kementerian Kesihatan boleh membuat perancangan selanjutnya, dalam menangani NCDs serta faktor risiko

berkaitan.

Kaji selidik ini akan mengambil masa sekurang-sekurangnya lapan bulan untuk dilaksanakan, di mana Fasa Pertama akan dilaksanakan pada November 2022 hingga Januari 2023, di mana fasa ini akan memfokuskan pada isu-isu kesihatan dalam kalangan orang dewasa, yang berumur 18 hingga 69 tahun.

Manakala Fasa Kedua pula akan dilaksanakan pada Februari hingga Jun 2023 serta akan memfokuskan kepada kanak-kanak dan para wanita.

Dalam Fasa Pertama kaji selidik ini, Pegawai Kaji Selidik akan mengunjungi sebanyak 5,762 rumah terpilih, di keempat-empat daerah di Negara Brunei Darussalam untuk menemui duga seorang ahli keluarga terpilih, di mana akan diikuti dengan pemeriksaan fizikal.

Pegawai kaji selidik berkenaan akan menggunakan pas rasmi yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan dan menunjukkan surat

kebenaran (*authorisation letter*) daripada pihak kementerian.

Hanya warganegara dan Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam akan dipilih untuk mengikuti kaji selidik ini dan pemilihan rumah serta ahli keluarga akan dibuat secara rambang.

Bagi memastikan kaji selidik ini berjalan dengan lancar, bengkel latihan untuk para Pegawai Kaji Selidik dijalankan pada Oktober lalu.

Ketua keluarga / rumah yang terpilih akan menerima surat pemberitahuan dari Kementerian Kesihatan mengenai kaji selidik ini terlebih dahulu sebelum kaji selidik dijalankan.

Apabila Pegawai Kaji Selidik mengunjungi rumah-rumah yang terpilih, mereka akan terlebih dahulu memberikan penerangan ringkas mengenai kaji selidik ini, seterusnya meminta kebenaran dan persetujuan tuan rumah untuk menjalani kaji selidik tersebut.

Setelah mendapat kebenaran

tuan rumah, hanya seorang ahli keluarga akan dipilih secara rambang untuk ditemui duga dengan soalan-soalan kaji selidik bagi menilai faktor-faktor risiko berkaitan dengan penyakit-penyakit.

Kemudian, pemeriksaan fizikal (seperti ketinggian, berat badan, tekanan darah, dan sebagainya) akan dijalankan terhadap ahli keluarga terpilih dan perjanjian, seterusnya akan diberikan untuk pengambilan sampel air kencing tidak berpuasa dan sampel darah berpuasa pada hari berikutnya atau pada hari / waktu yang bersesuaian.

Ujian sampel darah akan dibuat di rumah peserta dan hanya akan dibuat melalui teknik Finger Prick (Hujung Jari) untuk mengetahui paras gula dan kolesterol dalam darah.

Manakala, pengambilan sampel air kencing adalah untuk mengetahui kadar Sodium dan Kreatinin dan akan dihantar ke makmal oleh Pegawai Kaji Selidik.

Bagi memastikan kaji selidik ini akan berjalan dengan lancar, sukacita dimaklumkan, bahawa Kementerian Kesihatan, dengan kerjasama UBD dan WHO, telah menjalankan bengkel latihan untuk semua para Pegawai Kaji Selidik, diikuti dengan kajian rintis (*pilot survey*).

InsyaaAllah, kaji selidik ini akan mula dijalankan pada esok hari, iaitu Rabu, 2 November 2022, di Daerah Brunei Muara; dan Daerah Temburong.

Untuk makluman, Kementerian Kesihatan telah memberikan taklimat kepada para Penghulu Mukim dan Ketua Kampung di daerah-daerah tersebut dan surat pemberitahuan telah mula dihantar ke rumah-rumah terpilih.

Taklimat bagi Daerah Belait dan Daerah Tutong, insyaaAllah, akan diadakan dalam masa yang terdekat dan kaji selidik ini akan dijalankan, di daerah-daerah berkaitan.

Akhir kata, memandangkan beban NCDs dan faktor risiko berkaitan yang signifikan di negara kita dan mengambil kira punca kematian pramasa disebabkan oleh penyakit Jantung, Strok, Kanser dan Diabetes, Kementerian Kesihatan sangat menggalakkan para peserta terpilih secara rambang untuk menyertai kaji selidik ini, demi untuk mencapai tujuan tersebut tadi serta dalam sama-sama untuk menuju ke arah warga sihat.



IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

1 Teliti Skim Iklan sebelum memohon.



2 Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.

1 Lengkapkan Profil PSCR 2.0 (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)

2 Lengkapkan Kelulusan (keputusan / pangkat serta subjek / bidang kelulusan)

3 Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap *Sijil, transkrip dan pengiktirafan Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK) yang berkenaan

4 Tandakan "✓" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"

5 Lengkapkan Maklumat (kursus / peperiksaan / Peperiksaan Perkhidmatan Awam / latihan-latihan / kelayakan profesional dan lain-lain yang dipersyaratkan di dalam skim iklan)



+673 7371961



+673 7371961



PSC.BN



PSC.BN



query@spa.gov.bn



Bagi Talian Whatsapp
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam



Bagi media sosial
PSC.BN

MEMPERKUAT JARINGAN AKADEMIK, PENYELIDIKAN



Siaran Akbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali



TENAGA akademik Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) semasa bergambar ramai pada Persidangan Antarabangsa Islam di Alam Melayu Ke-11 (ICON IMAD XI) 2022 yang berlangsung di Hotel Grand Arsillia, Bandung Indonesia (kiri). Manakala gambar kanan, pembentangan utama yang disampaikan oleh Dekan Fakulti Usuluddin UNISSA, Dr. Hajah Sri Rahayu @ Nurjanah binti Haji Dollah dengan tajuk, 'Kedayatahanan Institusi Pengajian Islam mendepani Era Global Endemik : Pra dan Pasca'.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 November. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Usuluddin telah bekerjasama dalam pengajuran Persidangan Antarabangsa Islam di Alam Melayu Ke-11 (ICON IMAD XI) 2022 yang berlangsung di Hotel Grand Arsillia, Bandung Indonesia, baru-baru ini.

Persidangan ini melibatkan pengajuran bersama empat buah institusi pengajian tinggi di Asia Tenggara secara bergilir iaitu Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Malaysia; Fakulti Usuluddin, UNISSA, Negara Brunei Darussalam (NBD); University Prince Songkla, Thailand dan Pascasarjana UIN Sunan Gunung Djati (UIN SGD), Bandung, Indonesia selaku tuan rumah pada tahun ini.

Seramai tujuh orang wakil

UNISSA telah membentangkan kertas kerja semasa persidangan secara fizikal terdiri daripada Profesor Madya Dr. Anis Malik Thoha, Dr. Hajah Masuriyah binti Haji Yahya, Dr. Ahmad Bahar bin Haji Mokhtar, Dr. Zakir bin Hussain, Dr. Mariam binti Abd. Rahman dan Dr. Hafini bin Mahmud, di samping pembentangan utama yang telah disampaikan oleh Dekan Fakulti Usuluddin UNISSA, Dr. Hajah Sri Rahayu @ Nurjanah binti Haji Dollah dengan tajuk, 'Kedayatahanan Institusi Pengajian Islam mendepani Era Global Endemik : Pra dan Pasca'.

ICON IMAD kali ini telah berjaya mengumpulkan sebanyak lebih 160 kertas kerja yang dibentangkan secara bersemuka dan dalam talian dengan penyertaan 20 buah Institusi

pengajian tinggi daripada Malaysia, Indonesia, Thailand dan juga NBD. Persidangan pada tahun ini telah mengangkat tema 'Peradaban Melayu Mendepani Cabaran Global COVID-19'.

Antara objektif seminar ialah memperkuatkan jaringan akademik dan penyelidikan semasa serta membuka lebih banyak ruang dan peluang kerjasama daripada pelbagai aspek khususnya dalam penyelidikan antara negara-negara nusantara.

Di samping berkongsi hasil penyelidikan, persidangan juga menjadi platform untuk menjalin hubungan strategik bersama rakan-rakan daripada IPT luar dalam sama-sama memperkasa kebudayaan keilmuan yang akan membangun tamadun Islam di dunia Melayu.

Pada hari penutupan majlis, ICON IMAD 2022 turut mengadakan acara menandatangani Memorandum Persetujuan (MoA) antara perwakilan pihak pengajur dari empat buah negara sebagai memperkuuh lagi usaha jalinan kerjasama yang sedia ada khususnya dalam pelaksanaan persidangan ini.

Di samping hadir selaku pembentang, lawatan muhibah ke

beberapa institusi termasuk Majlis Ulama Indonesia (MUI), Institute for Study of Islamic Thought and Civilization (INSISTS), Universitas Islam Bandung (UNISBA), Darut Tauhid (DT) Persatuan Islam (PERSIS) dan UIN Sunan Gunung Djati, Bandung turut diadakan oleh tujuh orang pembentang UNISSA yang diharap dapat melebarkan bidang kerjasama antara institusi.

35 pegawai EDP kunjungi Kementerian Pendidikan



PESERTA Program Perkembangan Eksekutif (EDP) bagi Dasar Awam dan Pengurusan bagi Pegawai-pegawai Kanan Siri 17/2022, Institut Pengajian Pertahanan dan Strategik Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kementerian Pertahanan ketika mengadakan Lawatan Kerja ke Kementerian Pendidikan.

Siaran Akbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

BERAKAS, Isnin, 31 Oktober. - Peserta Program Perkembangan Eksekutif (EDP) bagi Dasar Awam dan Pengurusan bagi Pegawai-pegawai Kanan Siri 17/2022, Institut Pengajian Pertahanan dan Strategik Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kementerian Pertahanan telah

mengadakan Lawatan Kerja ke Kementerian Pendidikan dan seterusnya diikuti dengan sesi taklimat yang berlangsung di Dewan Kuliah, School of Aviation, IBTE Kampus Sultan Saiful Rijal.

Rombongan seramai 35 orang terdiri daripada 21 orang pegawai kanan tentera yang berpangkat

Leftenan Kolonel dari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), seorang pegawai Pasukan Polis Diraja Brunei, lima pegawai kanan, iaitu dari Jabatan Perdana Menteri; Kementerian Pertahanan; Kementerian Pendidikan; serta tiga pegawai kanan tentera luar negara dari Republik Indonesia, Kesultanan Oman dan Republik Singapura turut

serta dalam lawatan kerja berkenaan.

Rombongan berkenaan diketuai oleh Pemangku Pengarah Institut Pengajian Pertahanan dan Strategik Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Awang Haji Abdul Malik bin Haji Kamis.

Lawatan Kerja berkenaan bertujuan untuk mengetahui lebih lanjut mengenai visi dan misi, dasar-dasar dan pelan-pelan tindakan Kementerian Pendidikan ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035, di samping mempelajari pelbagai strategi kementerian dalam memastikan taraf pendidikan dan kaedah pembelajaran berkualiti dan

setanding dengan negara lain.

Kata alu-aluan disampaikan oleh Pemangku Pengarah Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan, Kementerian Pendidikan, Dr. Hajah Sallimah binti Haji Mohd. Salleh, diikuti dengan sesi taklimat yang disampaikan oleh Pegawai Pelajaran Kanan, Strategic Enterprise Performance and Delivery Unit (SEPaDU), Kementerian Pendidikan, Awang Haji Hairone bin Haji Abd. Rahman.

Taklimat diakhiri dengan sesi soal jawab bersama para wakil jabatan dari Kementerian Pendidikan.

سوروهنجاى قىردىمن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

KESALAHAN-KESALAHAN
DI BAWAH
AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM (PENGAL 83)

BAB 5 DARI BAHAGIAN III KESALAHAN-KESALAHAN

Individu yang didapati dengan sengaja memberikan makluman yang tidak benar / menyertakan sijil-sijil yang palsu atau mengelirukan / menyembunyikan makluman atau sijil-sijil bagi tujuan mengelirukan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Ahli-Ahli Suruhanjaya atau mana-mana orang yang dilantik untuk menjalankan tugas-tugas Suruhanjaya dalam memproses permohonan jawatan berkenaan.

DENDA SEBANYAK \$10,000 DAN PENJARA SELAMA 2 TAHUN

PERATURAN 13 DAN PERATURAN 14 DARI PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN (LANTIKAN-LANTIKAN DAN KENAIKAN-KENAICKAN PANGKAT)

Pada bila-bila masa selepas individu diberi tawaran jawatan atau selepas dilantik telah didapati pengakuan sumpah yang mereka buat adalah tidak benar.

DIKENAKAN TINDAKAN TATATERTIB DAN BOLEH DITAMATKAN PERKHIDMATAN DENGAN SERTA-MERTA.



JABATAN DAERAH
BRUNEI DAN MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI

JAWATAN KOSONG SEBAGAI
KETUA KAMPUNG TINGKAT I
PMKK.3
(BND2,270.00 - BND4,240.00)

atau

KETUA KAMPUNG TINGKAT II
PMKK.2
(BND1,990.00 - BND2,970.00)

atau

KETUA KAMPUNG TINGKAT III
PMKK.1 (BND1,280.00 -
BND2,270.00)

bagi

DAERAH BRUNEI DAN MUARA

1. KETUA KAMPUNG ANGGEREK DESA DAN PULAI
2. KETUA KAMPUNG DELIMA SATU
3. KETUA KAMPUNG LAMBAK 'A'
4. KETUA KAMPUNG STKRJ LAMBAK KIRI
5. KETUA KAMPUNG SUNGAI HANCHING
6. KETUA KAMPUNG MANGGIS I DAN II
7. KETUA KAMPUNG SALAMBIGAR
8. KETUA KAMPUNG SUNGAI AKAR 2
9. KETUA KAMPUNG KAWASAN 1 RPN LAMBAK KANAN
10. KETUA KAMPUNG KAWASAN 6 RPN LAMBAK KANAN
11. KETUA KAMPUNG MASJID LAMA, PEKAN MUARA, SABUN DAN PELUMPONG
12. KETUA KAMPUNG SERASA
13. KETUA KAMPUNG RPN SERASA
14. KETUA KAMPUNG MENTIRI
15. KETUA KAMPUNG TANAH JAMBU DAN SALAR
16. KETUA KAMPUNG KAWASAN 4 RPN PANCHOR
17. KETUA KAMPUNG KAWASAN 5 RPN PANCHOR
18. KETUA KAMPUNG KAWASAN 1 RPN MENTIRI
19. KETUA KAMPUNG TASEK LAMA, MELABAU DAN TUNGKADEH
20. KETUA KAMPUNG PARIT DAN TUMASEK
21. KETUA KAMPUNG KIANGGEH
22. KETUA KAMPUNG KAWASAN 1, RPN RIMBA
23. KETUA KAMPUNG

- KAWASAN 2, RPN RIMBA
24. KETUA KAMPUNG KAWASAN 3, RPN RIMBA
25. KETUA KAMPUNG KAWASAN 5, RPN RIMBA
26. KETUA KAMPUNG KAWASAN 6, RPN RIMBA
27. KETUA KAMPUNG STKRJ RIMBA 2
28. KETUA KAMPUNG KAWASAN 1 STKRJ TUNGKU
29. KETUA KAMPUNG PENGKALAN GADONG
30. KETUA KAMPUNG BERIBI 1
31. KETUA KAMPUNG BERIBI 3
32. KETUA KAMPUNG KIARONG 1
33. KETUA KAMPUNG KIARONG 2
34. KETUA KAMPUNG MATA-MATA 2
35. KETUA KAMPUNG LUPAK LUAS / TARAB BAU
36. KETUA KAMPUNG LUMAPAS 'A'
37. KETUA KAMPUNG MADEWA DAN TELANAI
38. KETUA KAMPUNG JANGSAK
39. KETUA KAMPUNG TANJONG NANGKA
40. KETUA KAMPUNG JERUDONG 'A'
41. KETUA KAMPUNG JERUDONG 'B'
42. KETUA KAMPUNG MULAUT
43. KETUA KAMPUNG SENGKURONG 'A'
44. KETUA KAMPUNG SENGKURONG 'B'
45. KETUA KAMPUNG SELAYUN
46. KETUA KAMPUNG TAGAP
47. KETUA KAMPUNG LUGU / KATIMAHAR
48. KETUA KAMPUNG PANCHOR MURAI DAN WASAN
49. KETUA KAMPUNG MASIN
50. KETUA KAMPUNG LIMAU MANIS
51. KETUA KAMPUNG BEBULOH
52. KETUA KAMPUNG BATONG

Tarikh Tutup :
Sabtu, 9 Jamadilawal 1444H /
3 Disember 2022
Jam 4.00 Petang.

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi melalui talian +673 2381408 / +673 2381117



Tarikh Tutup :
Tidak lewat Selasa
15 November 2022
Jam 2.00 Petang

JABATAN DAERAH
BRUNEI DAN MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI



JABATAN DAERAH
BRUNEI DAN MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI

JAWATAN KOSONG SEBAGAI
PENGHULU MUKIM TINGKAT III
-
PMKK.4
(BND3,880.00 - BND4,240.00)

BAGI

DAERAH BRUNEI DAN MUARA

1. Mukim Berakas 'A'
2. Mukim Mentiri
3. Mukim Kianggeh
4. Mukim Zon 1 Kampong Ayer - (Mukim Tamoi, Mukim Burong Pingai Ayer, Mukim Saba, Mukim Peramu, Kampung Sungai Siamas / Kampung Ujong Kelinik dan Kampung Sumbiling Lama)
5. Mukim Gadong 'A'

Tarikh Tutup :
Sabtu, 9 Jamadilawal 1444H /
3 Disember 2022
Jam 4.00 Petang.

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi melalui talian +673 2381408 / +673 2381117



JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Pemberitahuan
Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga :
IKAN / 78(Q) / 0026 / 2022

Tajuk Sebut Harga :
TO SUPPLY AND DELIVERY
OF OIL SPILL KITS (OIL-ONLY)
FOR AQUACULTURE
INDUSTRY DIVISION,
DEPARTMENT OF FISHERIES,
SERASA

Tarikh Tutup :
Khamis, 17 November 2022
Jam 2.00 Petang.



Tarikh Tutup :
Tidak lewat Selasa
15 November 2022
Jam 2.00 Petang

JABATAN DAERAH BRUNEI
DAN MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran :
JDBM / T / 04 / 2022

Tajuk Tawaran :
Membekal Perkhidmatan
Kawalan Keselamatan Bagi
Bangunan Jabatan Daerah
Brunei Dan Muara Selama Dua
(2) Tahun, Negara Brunei
Darussalam.



UNIVERSITI BRUNEI
DARUSSALAM

PEMOHON-Pemohon terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut :

Jawatan :
PEMANDU

Tangga Gaji :
F.1-2-3-4-5 EB.6
(BND445.00 - BND790.00)

Kekosongan :
SATU (1) ORANG

Jabatan :
UNIVERSITI BRUNEI
DARUSSALAM

Tarikh Tutup :
Isnin, 14 November 2022.



UNIVERSITI BRUNEI
DARUSSALAM

PEMOHON-Pemohon terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut :

Jawatan :
BURUH / PANDU

Tangga Gaji :
F.1-2-3 EB.4
(BND445.00 - BND650.00)

Kekosongan :
SATU (1) ORANG

Jabatan :
UNIVERSITI BRUNEI
DARUSSALAM

Tarikh Tutup :
Isnin, 14 November 2022.



JABATAN AUDIT
JABATAN PERMULAAN

Bilangan Sebut Harga :
AUD / UPKTM / Q&T /
2022-2023 / 20

MEMBELI 3 UNIT
TELEVISYEN LED

Spesifikasi :
1. Display 55-inch
2. Screen Type LED
3. Input HDMI
4. Input USB
5. Smart TV



6. Resolution Standard 4K

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Selasa, 15 November 2022
jam 12.00 Tengah Hari



JABATAN ALAM SEKITAR,
TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
DI NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

Kelas :
II, III, IV & V

Kategori :
KPB12

JASTRE / BL / T023 / 2022

KERJA-KERJA
PENYELENGGARAAN
LANDSKAP DI JALAN GADONG
(STesen Jana Kuasa) KE
PENGHIJUNG JAMBATAN
GADONG DARI JAMBATAN
JALAN JAME' ASR KE PUSING
KELILING JAME' ASR DAN
BERDEKATAN KAWASAN
MASJID JAME' ASR, NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM UNTUK
TEMPOH TIGA (3) TAHUN





KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI

PEMBERITAHUAN TAWARAN
KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

Bilangan Tawaran :
MOFE / Q / 2022-3

Tajuk Tawaran :
KERJA-KERJA PEMBAIKAN
BANGLO NO. 330, SIMPANG 35,
JALAN MAULANA,
KUALA BELAIT

Yuran Tawaran / Dokumen :
PERCUMA

Syarat-syarat Tawaran :
Sabtu, 5 November 2022
Tidak lewat dari jam 2.00
Petang




JABATAN DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN HAL EHWAH
DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran :
JDB / BKPD / SH / 18 / 2022
Tajuk Tawaran :
REPLACE EXISTING DAMAGED
ROOFS AND TOILET SANITARY
WORK AT DEWAN
SERBAGUNA KG LABI II,
MUKIM LABI

Yuran Tawaran :
BND 5.00

Kelas : I DAN II

Kategori : KA 01 / B 01

Tarikh Tutup :
8 November 2022
(Selasa)




KEMENTERIAN PENDIDIKAN

SEBUT HARGA BAGI
MEMBEKAL DAN MEMASANG
SERTA MENGUJI LAMPU
KESELAMATAN DI KAWASAN
SEKOLAH

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 219 / 2022 / 2023
[AKS-NOV-2022]

Keterangan :
SEBUT HARGA MEMBEKAL
DAN MEMASANG SERTA
MENGUJI LAMPU
KESELAMATAN DI KAWASAN
SEKOLAH BAGI :

1. SEKOLAH RENDAH DATO OTHMAN
2. SEKOLAH MENENGAH LAMBAK KIRI
DAERAH BRUNEI MUARA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
BAGI TEMPOH SATU (1)
TAHUN

Bayaran Yuran / Dokumen
Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup dan Waktu :
Sabtu, 19 November 2022




JABATAN RADIO
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Sebut Harga :
RTB / K / 127 / 22 - 23

Tajuk Sebut Harga :
SUPPLY, DELIVERY AND
INSTALL NEW BATTERIES, AND
TROUBLE SHOOTING AND
GENERAL SERVICING OF
VOLVO PENTA 400KVA
GENERATOR AT RTB
ANDULAU TRANSMITTER
STATION, BELAIT.

Yuran Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Salinan Kertas (Hardcopy) :
BND5.00 (Jika perlu dan tidak
dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Rabu,
9 November 2022,
jam 2.00 Petang




JABATAN BOMBA DAN
PENYELAMAT
KEMENTERIAN HAL EHWAH
DALAM NEGERI

Tajuk Tawaran :

Sebut Harga Bagi :

1. INSTALLING NEW PTO FOR
LIGHT PUMPER BG2551
(RUJ : JBP / TSH / 28 /
2022-2023)

2. KURSUS MEMANDU KELAS 5
(RUJ : JBP / TSH / 29 /
2022-2023)

3. LEASING OF TREADMILL
GYM EQUIPMENT
[3 YEARS CONTRACT]
(RUJ : JBP / TSH / 30 /
2022-2023)

4. MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR KATIL, TILAM
DAN BANTAL
(RUJ : JBP / TSH / 31 /

2022-2023)
5. MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR JENIS KAYU
DAN PLYWOOD
(RUJ : JBP / TSH / 32 /
2022-2023)

6. MEMBEKAL DAN
MENGHANTAR
SELECT O MATIC
(RUJ : JBP / TSH / 33 /
2022-2023)

Tarikh Tutup / Jam Tawaran :
Khamis, 17 November 2022
Jam 1.50 Petang

Yuran Tawaran :
BND5.00 (Tidak dikembalikan)




UNIVERSITI
ISLAM SULTAN SHARIF ALI

UNISSA / SB0038 / 2022 / 2023

Membekal Dan Menghantar
Buku-Buku
Bagi Kegunaan
Fakulti Pengurusan
Pembangunan Islam,
Fakulti Pertanian
Dan Pusat Halalan Thayyiban
Universiti Islam Sultan
Sharif Ali
(UNISSA)

Tarikh Tutup :
Rabu,
9 November 2022
Jam 2.00 Petang




KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA

Bilangan Sebut Harga :
KHEU / JPI / JKS / 21 /
2022-2023

Keterangan :
Membekal, Menghantar Dan
Menguji Perkakas Dan
Peralatan Bagi Makmal Sains
Sekolah Arab Sultan Haji
Hassanal Bolkiah, Rimba,
Jabatan Pengajian Islam,
Kementerian Hal Ehwal Ugama,
Tahun 1443H - 1444H /
2022M - 2023M

Bayaran :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Rabu, 21 Rabuulakhir 1444H /
16 November 2022M,
Tidak lewat jam 2.00 Petang




PEJABAT PENERBANGAN
KEBAWAH DULI YANG MAAH
MULIA

Bilangan Tawaran :
HMSF / TDR / 05 / 2022

Tajuk Projek :
THE SUPPLY, DELIVERY AND
COMMISSIONING OF TWO
UNITS (02) LIGHT TOW
TRACTOR TO HIS MAJESTY
THE SULTAN'S FLIGHT OFFICE

Tarikh Tutup Tawaran :

WIPER COVER FOR LEXMARK
PRINTER

Bayaran Sebut Harga :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Buka :
Isnin,
31 Oktober 2022

Tarikh Akhir Pembelian Dan
Pembayaran :
Khamis,
10 November 2022

Tarikh Tutup :
Isnin,
14 November 2022
Jam : Sebelum 9.00 Pag




JABATAN DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN HAL EHWAH
DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran :
JDB / BKPD / SH / 18 / 2022
Tajuk Tawaran :
REPLACE EXISTING DAMAGED
ROOFS AND TOILET SANITARY
WORK AT DEWAN
SERBAGUNA KG LABI II,
MUKIM LABI

Yuran Tawaran :
BND 5.00

Kelas : I DAN II

Kategori : KA 01 / B 01

Tarikh Tutup :
8 November 2022
(Selasa)



Tidak lewat Selasa,
29 November 2022,
jam 2.00 Petang.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

SEBUT HARGA PERKHIDMATAN PEMOTONGAN RUMPUT DAN PEMELIHARAAN KEBERSIHAN KAWASAN BAGI SEKOLAH DAN MAKTAB DI BAWAH KAWALAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN, DAERAH BELAIT :

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 186 / 2022 / 2023 [UPPK-OKT-2022]

Keterangan :
KB ZON 3 SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN PEMOTONGAN RUMPUT DAN PEMELIHARAAN KEBERSIHAN KAWASAN BAGI PEJABAT DI BAWAH KAWALAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN, DAERAH BELAIT :

1. BANGLO PEJABAT JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH (0.50 EKAR)
2. BANGLO PEJABAT UNIT PERUMAHAN DAN UNIT KENDERAAN (0.50 EKAR)
3. BANGLO PEJABAT UNIT PENDIDIKAN KHAS (0.50 EKAR)
4. BANGLO PEJABAT JABATAN PENDIDIKAN KOKURIKULUM (0.50 EKAR)
5. BANGLO PEJABAT JABATAN PERANCANGAN DAN PENGURUSAN ESTET (0.50 EKAR)
6. BANGLO PEJABAT UNIT PENGHAPUSAN DAN KIRA-KIRA (1.00 EKAR)
7. BANGLO PEJABAT BAHAGIAN PERKHIDMATAN PEMAKANAN DAN ASRAMA (0.50 EKAR)

JUMLAH KESELURUHAN 4.00 EKAR BAGI TEMPOH LAPAN (8) BULAN

Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga :
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 187 / 2022 / 2023 [UPPK-OKT-2022]

Keterangan :
KB ZON 4 SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN PEMOTONGAN RUMPUT DAN PEMELIHARAAN KEBERSIHAN KAWASAN BAGI SEKOLAH DAN MAKTAB DI BAWAH KAWALAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN, DAERAH BELAIT :

1. SEKOLAH RENDAH SUNGAI LIANG (3.50 EKAR)
 2. SEKOLAH RENDAH LUMUT (2.00 EKAR)
 3. SEKOLAH RENDAH SUNGAI TALI (3.50 EKAR)
 4. SEKOLAH MENENGAH PG ANAK PUTERI HAJAH RASHIDAH SAADATUL BOLKIAH (10.00 EKAR)
- JUMLAH KESELURUHAN 19.00 EKAR BAGI TEMPOH LAPAN (8) BULAN
- Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga :**
BND5.00 (Tidak dikembalikan)
- Bilangan Sebut Harga :**
DA / JKSH / 188 / 2022 / 2023 [UPPK-OKT-2022]

Keterangan :
KB ZON 5 SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN PEMOTONGAN RUMPUT DAN PEMELIHARAAN KEBERSIHAN KAWASAN BAGI SEKOLAH DAN MAKTAB DI BAWAH KAWALAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN, DAERAH BELAIT :

1. SEKOLAH RENDAH PG SETIA NEGARA PG MOHD YUSOF, LORONG TIGA (8.00 EKAR)
 2. SEKOLAH RENDAH MUHAMMAD ALAM (2.00 EKAR)
 3. MAKTAB ANTHONY ABELL, SERIA (5.00 EKAR)
 4. SEKOLAH RENDAH PANAGA (2.50 EKAR)
 5. IBTE KAMPUS SULTAN BOLKIAH (20.00 EKAR)
- JUMLAH KESELURUHAN 37.50 EKAR BAGI TEMPOH LAPAN (8) BULAN
- Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga :**
BND5.00 (Tidak Dikembalikan)
- Bilangan Sebut Harga :**

DA / JKSH / 189 / 2022 / 2023 [UPPK-OKT-2022]

Keterangan :
KB ZON 6 SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN PEMOTONGAN RUMPUT DAN PEMELIHARAAN KEBERSIHAN KAWASAN BAGI SEKOLAH DAN MAKTAB DI BAWAH KAWALAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN, DAERAH BELAIT :

1. SEKOLAH RENDAH PG SETIA JAYA PG HAJI ABDUL MOMIN (8.00 EKAR)
2. SEKOLAH MENENGAH SAYYIDINA ALI (6.00 EKAR)
3. PUSAT TINGKATAN ENAM BELAIT (2.50 EKAR)
4. SEKOLAH MENENGAH PG JAYA NEGARA PG HAJI ABU BAKAR (16.00 EKAR)
5. ASRAMA PUTERA DAN PUTERI SEKOLAH MENENGAH PG JAYA NEGARA PG HJ ABU BAKAR (4.00 EKAR)
6. SEKOLAH MENENGAH PERDANA WAZIR (7.00 EKAR)

JUMLAH KESELURUHAN 43.50 EKAR BAGI TEMPOH LAPAN (8) BULAN

Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga :
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 190 / 2022 / 2023 [UPPK-OKT-2022]

Keterangan :
KB ZON 7 SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN PEMOTONGAN RUMPUT DAN PEMELIHARAAN KEBERSIHAN KAWASAN BAGI SEKOLAH DAN MAKTAB DI BAWAH KAWALAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN, DAERAH BELAIT :

1. SEKOLAH RENDAH AHMAD TAJUDDIN (4.00 EKAR)
2. SEKOLAH RENDAH KUALA BELAIT (3.00 EKAR)
3. SEKOLAH RENDAH SUNGAI TERABAN (4.00 EKAR)
4. IBTE KAMPUS JEFRI BOLKIAH (10.00 EKAR)
5. ASRAMA PUTERA DAN PUTERI IBTE KAMPUS JEFRI BOLKIAH (3.50 EKAR)
6. SEKOLAH RENDAH PADUKA

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Selasa, 8 November 2022

Tarikh Tutup Pada :
Selasa,
15 November 2022
sebelum jam 2.00 Petang.



SERI BEGAWAN SULTAN OMAR ALI SAIFUDDIEN (2.00 EKAR)

JUMLAH KESELURUHAN 26.50 EKAR BAGI TEMPOH LAPAN (8) BULAN

Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga :
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 191 / 2022 / 2023 [UPPK-OKT-2022]

Keterangan :
KB ZON 8 SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN PEMOTONGAN RUMPUT DAN PEMELIHARAAN KEBERSIHAN KAWASAN BAGI SEKOLAH DAN MAKTAB DI BAWAH KAWALAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN, DAERAH BELAIT :

1. SEKOLAH RENDAH DATO MAHARAJA SETIA DIAN SUKANG (1.00 EKAR)
2. SEKOLAH RENDAH MERANGKING (2.00 EKAR)



3. SEKOLAH RENDAH MELILAS (1.00 EKAR)

4. SEKOLAH RENDAH ORANG KAYA PEMANCHA BERANDAI BUKIT SAWAT (2.00 EKAR)

JUMLAH KESELURUHAN 6.00 EKAR BAGI TEMPOH LAPAN (8) BULAN

Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga :
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup dan Waktu :
Sabtu,
12 November 2022



Bilangan Tawaran :
KHEU / JPI / LTN / BT / 01 / 2022-2023

Tajuk Tawaran :
Tawaran Perkhidmatan Pengangkutan Bot Temui Bagi Sekolah-Sekolah Ugama Di Kawasan



Bilangan Sebut Harga :
RTB / K / 123 / 22 - 23

Tajuk Sebut Harga :
MEREKA BENTUK DAN MENCETAK CUSTOM DESIGNED BARANG - BARANG MERCHANDISE 'ADVERTISE WITH RTB'

Bilangan Sebut Harga :
RTB / K / 124 / 22 - 23

Tajuk Sebut Harga :
MEREKA BENTUK DAN MENCETAK BAJU AKHIR TAHUN 2022 BAGI RADIO TELEVISYEN BRUNEI

Bilangan Sebut Harga :
RTB / K / 126 / 22 - 23

Tajuk Sebut Harga :
SUPPLY AND DELIVERY OF DIGITAL AUDIO MIXER FOR OUTSIDE BROADCAST

Bilangan Sebut Harga :
RTB / K / 128 / 22 - 23

Tajuk Sebut Harga :
DIGITISATION OF DOCUMENTS SYSTEM



DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Kelas :
II, III, IV

Kategori :
KPB12

JASTRE / BL / T021 / 2022

KERJA-KERJA

PEMELIHARAAN DAN PENYELENGGARAAN LUARAN BAGI ISTANA DARUL AMAN MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM UNTUK TEMPOH DUA (2) TAHUN

Kelas : III & V
Kategori : KPB12

JASTRE / BL / T022 / 2022

KERJA-KERJA PEMELIHARAAN LANDSKAP DAN PENYELENGGARAAN LUARAN BAGI ISTANA DARUT TAQWA DAN ASSIADAH, JERUDONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN

Tarikh Buka Tawaran Pada :
Rabu,
26 Oktober 2022



CERAPAN GERHANA BULAN PENUH : 8 NOVEMBER



SIDANG Media bagi Majlis Cerapan Gerhana Bulan Penuh, yang akan diadakan pada Selasa, 8 November 2022, di Kawasan Lapang Depan, Bangunan BKISHHB disampaikan oleh Pegawai Perhubungan Awam BKISHHB, Pengiran Fauzisalihin bin Pengiran Salleh.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Dk. Nur Haifilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 November. - Pada menjunjung titah dan mananai hasrat murni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dalam menjadikan Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB), Jabatan Perdana Menteri sebagai pusat khazanah ilmu hingga dapat membantu BKISHHB beroperasi secara mampam untuk jangka masa yang panjang, beberapa aktiviti ilmiah telah dirancang.

Antara aktiviti ilmiah yang dipersepujui untuk diadakan secara kolaborasi oleh BKISHHB dan Persatuan Astronomi Negara Brunei Darussalam (PABD) adalah Majlis Cerapan Gerhana Bulan

Penuh, yang akan diadakan pada Selasa, 8 November 2022, di Kawasan Lapang Depan, Bangunan BKISHHB.

Perkara itu dimaklumkan oleh Pegawai Perhubungan Awam BKISHHB, Pengiran Fauzisalihin bin Pengiran Salleh pada Sidang Media, yang berlangsung di Auditorium, BKISHHB.

Menurutnya, acara tersebut akan dibuka kepada orang awam, terutama para peminat dan penggemar bidang astronomi, kanak-kanak dan ahli keluarga mereka, bermula pada jam 5.30 petang hingga 10.00 malam.

Orang ramai juga dijemput hadir bagi menunaikan Sembahyang Sunat Gerhana, di Surau BKISHHB, sejurus selepas Sembahyang Fardu Maghrib pada

hari yang sama.

Sementara itu, Pegawai Etnografi, BKISHHB, Pengiran Mohd. Wafi bin Pengiran Haji Abdul Rahim menerangkan, objektif utama Cerapan Gerhana Bulan itu adalah untuk memberi peluang kepada orang ramai bagi sama-sama menyaksikan fenomena gerhana yang merupakan salah satu dari tanda-tanda kekuasaan Allah dan meningkatkan kefahaman orang ramai mengenai fenomena Gerhana Bulan dan lain-lain ilmu berkaitan dengan Bidang Astronomi menurut perspektif Islam.

Di samping itu, jelasnya, ia juga antara lain bertujuan untuk melahirkan masyarakat yang berilmu, khususnya dalam Bidang Sains Astronomi; menggalakkan dan memajukan Bidang Astronomi, terutamanya Astronomi Islam (Falak Syarie) di negara ini, serta meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan astronomi melalui pemahaman nas-nas Al-Quran dan As-Sunnah.

Ahli PABD, Awang Mohammad Husaini bin Ali Hassan berkata, kejadian gerhana boleh disaksikan dari sebahagian kawasan Asia, Australia, Amerika Utara dan Selatan; Pasifik, Atlantik serta Artik.

"Fenomena gerhana bulan penuh merupakan satu fenomena alam yang terjadi, di mana kedudukan matahari, bumi dan bulan berada pada satu garis lurus.

"Fenomena tersebut berlaku apabila cahaya matahari tidak



sampai ke bulan kerana terhalang oleh bumi," ujarnya.

Beliau memberitahu, gerhana akan bermula pada pukul 4.02 petang waktu tempatan apabila bulan memasuki bayangan bumi separa gelap, iaitu Penumbra dan yang paling gelap, iaitu Umbra akan menutupi keseluruhan permukaan bulan, pada jam 6.16 petang.

"Gerhana hanya boleh diamati sejurus Bulan terbit, pada jam 5.56 petang dan akan sampai ke tahap maksimum, pada 6.59 malam.

"Jika cuaca tidak berawan dan tidak hujan, orang ramai boleh menyaksikan gerhana bulan penuh tersebut.

"Kejadian Gerhana Bulan Penuh

akan berakhir apabila bulan keluar dari bayang Umbra, pada jam 7.41 malam.

"Bulan akan meninggalkan keseluruhan bayang bumi dan Gerhana Bulan fasa Penumbra akan tamat, pada jam 9.56 malam," katanya.

Beliau menambah, orang ramai yang ingin menyaksikan Gerhana Bulan Penuh tersebut boleh menggunakan teleskop yang akan disediakan oleh Ahli-ahli PABD, di kawasan yang dikhaskan, iaitu di BKISHHB.

Jika keadaan cuaca tidak mengizinkan, katanya, PABD akan mengadakan taklimat di Auditorium BKISHHB, yang boleh dihadiri oleh orang ramai secara percuma.

Amal urus tadbir teratur, lengkap sebagai langkah perlindungan

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



ANTARA para ahli panel yang turut menyampaikan taklimat (atas), manakala gambar kiri dan bawah kiri, antara yang hadir pada majlis berkeraan.

Disalahguna Untuk Pembiayaan Pengganas' yang berlangsung di Dewan Auditorium, Ibu Pejabat Polis Diraja Brunei, Jalan Tungku, Gadong di sini.

Seminar yang dikelolakan oleh Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) menerusi ROS berkenaan dibahagikan kepada dua sesi, iaitu 22 pertubuhan pada sesi pagi dan 19 pertubuhan pada sesi petang.

Seminar berkenaan telah menampilkan para ahli panel penyampai yang terdiri daripada para pegawai daripada ROS PPDB, Unit Perisikan Kewangan (UPK), Brunei Darussalam Central bank (BDCB) yang diundang khas sebagai pembentang jemputan.

Dua taklimat telah dibentangkan semasa seminar berkenaan, dengan tajuk pertama ialah

'Organisasi Berbentuk Bukan Keuntungan (Non-Profit Organizations - NPO) dan Risiko Pembiayaan Pengganasan' yang disampaikan oleh UPK dan BDCB.

Manakala taklimat kedua, bertajuk 'Urus Tadbir dan Tanggungjawab Dalam Pengurusan Persatuan' telah disampaikan oleh para pegawai daripada ROS PPDB.

Selepas penyampaian taklimat, kesemua perwakilan persatuan yang menghadiri seminar berkenaan diberi peluang dan dipelawa untuk mengajukan sebarang persoalan kepada para ahli panel mengenai topik yang dibentangkan.

Adapun objektif seminar berkenaan adalah untuk memberi kesedaran mengenai pendedahan sektor pertubuhan yang berbentuk

NPO kepada risiko pembiayaan pengganasan, di samping mengukuhkan rangkaian dan kerjasama di antara sektor pertubuhan dengan pihak berkuasa yang berkeraan.

Selain itu, bagi mencapai sasaran objektif berkenaan adalah penting bagi semua pertubuhan untuk diberikan pencerahan maklumat dan pengetahuan yang tepat serta jelas agar sentiasa berwaspada dan berhati-hati terhadap sebarang ancaman yang mendatang.

Juga turut ditekankan adalah bagi setiap pertubuhan mengenai tanggungjawab mereka yang termaktub di bawah Akta Pertubuhan, Penggal 203, untuk mengamalkan urus tadbir yang teratur dan lengkap sebagai langkah perlindungan daripada risiko disalah guna.



GADONG, Isnin, 31 Oktober. - Sebanyak 41 buah pertubuhan yang berdaftar di bawah Pendaftar Pertubuhan (Registrar of Societies

- ROS) menghadiri Seminar Urus Tadbir Pertubuhan yang membawa tema 'Meningkatkan Kewaspadaan dan Kapasiti Pertubuhan Dari

KEPUTUSAN PUSINGAN KEDUA HECAS 2022 DIKELUARKAN 1 NOVEMBER

Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 31 Oktober. - Pengumuman bagi keputusan HECAS 2022 (pengambilan pusingan kedua) untuk Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), iaitu Universiti Brunei Darussalam (UBD); Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA); dan Politeknik Brunei (PB) bagi Tahun Akademik 2022 / 2023 akan dikeluarkan pada Selasa, 1 November 2022, selepas jam 8.30 pagi.

Para pemohon bolehlah mengakses akaun HECAS masing-masing untuk mengetahui status permohonan di laman sesawang HECAS, iaitu <https://hecas.moe.gov.bn>.

Bagi pemohon yang tidak berjaya tetapi memenuhi syarat kemasukan yang ditetapkan oleh IPTA dan berhasrat untuk membuat rayuan, pemohon hendaklah mengambil perhatian mengenai perkara-perkara berikut.

Pemohon diberikan tiga hari waktu bekerja untuk menghadapkan rayuan bermula Rabu, 2 November 2022; hari terakhir untuk menghadapkan surat rayuan dan dokumen-dokumen yang berkenaan adalah pada Sabtu, 5 November 2022 sebelum jam 4.00 petang; dan pemohon yang berhasrat untuk membuat rayuan adalah disarankan untuk memohon program yang berlainan daripada yang pernah dipohonkan pada bulan Ogos / September 2022 yang lalu.

Surat rayuan dan dokumen-dokumen yang berkenaan bolehlah dihadapkan ke institusi-institusi yang berkenaan sama ada secara *hardcopy* atau *softcopy* seperti berikut:

Bagi UBD bolehlah dihadapkan secara *softcopy* (e-mel) sahaja dan hendaklah ditujukan ke alamat e-mel berikut di bawah tajuk 'APPEAL HECAS 2022 (2nd Round)', iaitu Pendaftar dan Setiausaha [U.P.: Penolong Pendaftar Kemasukan dan Rekod Pelajar] Universiti Brunei Darussalam atau melalui e-mel: office.admission@ubd.edu.bn.

Manakala, bagi UNISSA bolehlah menghadapkan secara *hardcopy* atau *softcopy* (e-mel) ke : Pejabat Pengurusan Akademik, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Simpang 347, Jalan Pasar Gadong, Gadong, Bandar Seri Begawan BE1310 Negara Brunei Darussalam atau hubungi talian +673 2462000 atau telefon bimbit +673 7376997 atau e-mel ke oam@siswa.unissa.edu.bn.

Sementara bagi PB, pemohon hendaklah mengisi borang secara dalam talian dengan lengkap melalui pautan <http://bit.ly/PB2022AppealForm> atau dengan mengimbas kod QR yang disertakan.

Para pemohon hanya perlu melengkapkan Borang Rayuan secara dalam talian yang telah disediakan.

Sebarang penghantaran surat rayuan secara *hardcopy* atau *softcopy* adalah tidak diperlukan dan tidak akan dilayan.

Sebarang pertanyaan bolehlah berhubung terus melalui nombor telefon +673 7335984 (semasa waktu bekerja sahaja) atau melalui e-mel ke admission.appeal@pb.edu.bn.

Undi, pilih Ketua Kampung Sungai Akar Kawasan 1

Siaran Akhbar : Jabatan Daerah Brunei dan Muara

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 31 Oktober. - Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM) sukacita ingin memaklumkan kepada para penduduk Kampung Sungai Akar Kawasan 1, Mukim Berakas 'B', bahawa Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Sungai Akar Kawasan 1, Mukim Berakas 'B', akan diadakan pada Ahad, 25 Rabiulakhir 1444H bersamaan 20 November 2022M, pada jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi bertempat di Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kampung Sungai Akar, Mukim Berakas 'B'.

Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung berkenaan akan menggunakan dua kaedah, iaitu secara kertas undi (*ballot papers*), pada 20 November 2022 dan undian melalui aplikasi mudah alih, iaitu e-Undi PMKK yang akan dibuka mulai 18 hingga 20 November 2022.

Bagi para penduduk Kampung Sungai Akar Kawasan 1, Mukim Berakas 'B' yang belum mendaftar, bolehlah mendaftar menggunakan Borang Daftar Pengundi melalui Pemangku Ketua Kampung ataupun melalui Bahagian Institusi Mukim dan Kampung (JDBM) sebelum Ahad, 20 November 2022.

Manakala bagi aplikasi mobile, bolehlah mendaftar melalui aplikasi mudah alih e-Undi PMKK sebelum Khamis, 17 November 2022, pada jam 8.00 pagi.

JDBM, seterusnya menjunjung / mempersilakan para penduduk Kampung Sungai Akar Kawasan 1, Mukim Berakas 'B' untuk berangkat / hadir mengundi pada Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Sungai Akar Kawasan 1, Mukim Berakas 'B', pada tarikh, masa dan tempat yang dinyatakan.



Kenali Bahasa Brunei

Garini bermaksud kemas dan bergaya dalam berpakaian tentang lelaki.
Contoh pemakaian kata : **garini** jua kita ari ani.

Manggarit bermaksud menggoreskan atau membuat calar pada sesuatu.
Contoh pemakaian kata : siapa **manggarit** karitangku ani?

Garusuh-garusuh bermaksud gopoh-gapah atau tergesa-gesa melakukan sesuatu.
Contoh pemakaian kata : palahan-palahan saja membuat karaja atu, jangantah **garusuh-garusuh**.

Gawah-gawah bermaksud bercakap dengan suara yang nyaring.
Contoh pemakaian kata : andang biasa **gawah-gawah** tu kadidia atu bacarita, subalah-manyabalah kadangaran suaranya.

SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN



Kampung Tarap Bau



Foto : Azmah Haji Ahad

Ikan Rumahan Masak Ampap

BAHAN-BAHAN :

Sekilo ikan rumahan bini
Beberapa keping asam
aur-aur

Satu sudu besar lada kisar
Satu sudu garam
Sedikit ajinomoto
Satu biji bawang merah
2 sudu teh ambulung

CARA-CARA MASAK :
Masukkan semua bahan ke dalam kuali dan tuang sedikit air. Gaul dan masak sehingga airnya semakin sedikit.

Undi, pilih calon Ketua Kampung Kawasan 5, RPN Lambak Kanan

Siaran Akbar : Jabatan Daerah Brunei dan Muara

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 31 Oktober. - Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM) sukcita ingin memaklumkan kepada penduduk-penduduk Kampung Kawasan 5, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Lambak Kanan, Mukim Berakas 'B' bahawa Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Kawasan 5, RPN Lambak Kanan, Mukim Berakas 'B' akan diadakan pada Ahad, 20 November 2022 bermula jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi bertempat di Dewan Kemasyarakatan Lambak Kanan CC2, Mukim Berakas 'B'.

Sehubungan itu, Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Kawasan 5, RPN Lambak Kanan, Mukim Berakas 'B' akan menggunakan dua kaedah ini iaitu secara *ballot papers* pada 20 November 2022 dan melalui undian dalam aplikasi *mobile* yang akan dibuka melalui aplikasi

e-Undi PMKK mulai pada 18 hingga 20 November 2022.

Oleh itu, kepada penduduk-penduduk Kampung Kawasan 5, RPN Lambak Kanan, Mukim Berakas 'B' yang belum mendaftar, bolehlah mendaftar menggunakan borang daftar penduduk melalui Pemangku Ketua Kampung ataupun melalui Bahagian Institusi Mukim dan Kampung (JDBM) sebelum 20 November 2022 manakala bagi aplikasi *mobile* boleh mendaftar melalui aplikasi e-Undi PMKK di mana tarikh tutupnya pada Khamis, 17 November 2022, jam 8.00 pagi.

JDBM seterusnya menjunjung dan mempersilakan Penduduk-penduduk Kampung Kawasan 5, RPN Lambak Kanan, Mukim Berakas 'B' untuk hadir mengundi pada majlis tersebut pada tarikh, masa dan tempat yang dinyatakan.

LUPA TOKEN PSCR 2.0?



CARA PENETAPAN SEMULA (RESET) TOKEN PSC AWDA

Whatsapp Talian Perhubungan (+673 7371961)
atau **E-mel (query@spa.gov.bn)** serta nyatakan:

1. Nama Penuh
2. Nombor Kad Pengenalan
3. Swafoto awda dengan memegang bahagian hadapan kad pengenalan



Apakah lambang gigi yang sihat?

KETIKA berbual dengan seseorang, mesti kita akan memandang pada gigi individu tersebut, bukan?. Kalau warna gigi dia putih berkilaunya, pasti kita akan terfikir pandainya dia menjaga gigi. Tapi kalau gigi kuning, terus kita 'cop' dia tak tahu menjaga kebersihan gigi, betul tak?

Sudah menjadi sitigma untuk kita merasakan gigi putih adalah satu lambang gigi yang sihat, manakala gigi yang kuning akan kita anggap sebagai gigi yang tidak dijaga dengan baik, betul ke begini?

Gigi kuning, warna bukan penentu

Menurut pakar dalam Pemulihian dan Estetika Pergigian, gigi yang normal tidak ditentukan dengan hanya melihat pada warnanya.

Gigi adalah sama keadaannya seperti individu yang mempunyai warna kulit yang berbeza di mana ia bukanlah satu masalah. Tetapi sebarang penyakit berkaitan kulit itu adalah perkara yang perlu dirawat.

Begitu jugalah dalam aspek pergigian, di mana warna pada gigi bukanlah satu faktor penting tetapi masalah yang terjadi pada gigi adalah yang perlu dibimbangkan.

Menurut pakar tersebut lagi, tahap kesihatan gigi seseorang itu tidak dinilai sebagai tidak normal walaupun ia berwarna kuning. Perkara yang menentukan tahap normal dan kesihatan gigi itu adalah apabila ia kuat, tidak sakit dan tidak mengalami sebarang lubang.

Gigi kuning bergantung kepada beberapa perkara iaitu pengambilan makanan seperti makanan yang mengandungi rempah berwarna, contohnya kunyit. Kemudian tabiat harian seperti merokok dan lapisan gigi, antara penyebab terjadinya gigi kuning.

Tiga lapisan gigi

Untuk pengetahuan orang ramai, gigi awda mempunyai tiga lapisan utama iaitu 1. Enamel : merupakan lapisan gigi yang paling luar. Ia adalah apa yang awda lihat pada gigi awda setiap hari.

2. Dentin adalah lapisan kedua gigi. Ia merupakan satu lapisan di bawah enamel.

3. Nerve : boleh dikatakan sebagai satu 'terowong' pada gigi dan ia merupakan bahagian di mana terdapat saraf dan saluran darah.

Sesetengah gigi individu mungkin mempunyai lapisan enamel nipis berbanding yang lain. Keadaan ini mengakibatkan gigi akan lebih kelihatan kekuningan disebabkan lapisan dentin yang lebih menonjol.

Tip penjagaan gigi

Sebenarnya, cara yang paling mudah untuk memutihkan gigi kuning adalah dengan melakukan proses pemutihan atau bleaching. Tetapi perkara paling penting adalah mengenai cara awda menjaga kebersihan gigi awda dan tidak mustahil ia boleh membantu menjadikan gigi lebih putih dan kuat.

Berikut adalah langkah penjagaan kebersihan gigi mudah tetapi sering dipandang remeh oleh kebanyakan individu.

1. Ubat gigi

a. Perkara paling utama adalah untuk memastikan ubat gigi yang awda gunakan mempunyai fluorida. Ini kerana fluorida berperanan untuk menguatkan dan melindungi gigi anda daripada mengalami masalah karies gigi.

2. Berus gigi



a. Cara terbaik untuk memberus gigi adalah dengan menggosok keseluruhan gigi untuk tempoh 2 minit. Ini kerana ia bagaikan menjadi satu kebiasaan individu menggosok gigi untuk tempoh kurang daripada 30 saat.

b. Tindakan itu sememangnya meningkatkan risiko kekotoran tertinggal dan peratusan tidak menggosok keseluruhan gigi awda adalah sangat tinggi. Jadi luangkan 2 minit untuk menggosok gigi.

c. Bagi pemilihan berus gigi pula, awda boleh memilih untuk menggunakan berus gigi elektrik atau berus gigi tradisional.

d. Kelebihan penggunaan berus gigi elektrik adalah ia mungkin membantu anda untuk mencuci dengan lebih baik berbanding berus gigi tradisional.

e. Tetapi ia bukanlah satu kewajipan untuk awda menggunakanannya. Tidak kira berus gigi elektrik atau tradisional, yang penting adalah awda perlu memberus dengan baik.

3. Flossing

a. Satu tabiat jarang dilakukan. Tetapi flossing sebenarnya amat penting sebagai salah satu cara penjagaan gigi.

b. Ia dapat membantu mencuci dan mengeluarkan kotoran terlekat atau berada pada celahan gigi yang tidak tercapai ketika awda memberus.

c. Sewaktu awda memberus, awda hanya dapat membersihkan 60 peratus sahaja daripada keseluruhan gigi awda? Dan flossing dapat membersihkan baki 40 peratus yang tertinggal.

d. Mulai hari ini, jadikan flossing sebagai salah satu amalan penjagaan gigi harian awda, sekurang-kurangnya dua kali dalam satu hari.

4. Rawatan berkala

a. Doktor gigi merupakan antara doktor yang paling jarang awda jumpa, bukan?

b. Kebiasaan awda hanya berjumpa dengan doktor gigi apabila berdepan dengan masalah gigi kuning. Situasi yang paling biasa berlaku adalah apabila keadaan gigi awda sudah terlalu kronik, baharu teringat nak jumpa doktor gigi.

c. Setahun, dua kali, jangka waktu rawatan yang disarankan untuk awda berjumpa dengan doktor gigi. Jadi, janganlah terlalu berkira atau takut.

d. Bak kata pakar pergigian melalui perkongsian Hello Doktor, pencegahan itu sebenarnya lebih murah dan mudah berbanding rawatan yang mungkin akan memakan kos yang lebih berlipat ganda. Rajin-rajin kanlah diri untuk berjumpa doktor gigi.

Warisan



Penggunaan daun nyirik dalam makanan Melayu

Oleh : Norliah Md. Zain
Foto : Jabatan Penerangan

PENGUNAAN daun sebagai pembungkus makanan dalam masyarakat Melayu sememangnya sering kita lihat dan jumpai. Antara makanan yang dibungkus menggunakan daun ialah lemang dibalut dengan daun pisang, tapai menggunakan daun simpur, ketupat palas dengan daun kelapa dan kelupis menggunakan daun nyirik.

Ruangan Warisan kali ini mendekati penggunaan daun nyirik di dalam makanan orang Melayu.

Daun nyirik atau nama saintifiknya *Phacelophrynum Maximum* sememangnya antara pembungkus makanan alami yang masih digunakan secara meluas di negara ini. Daun berwarna hijau ini lazimnya digunakan untuk membungkus kelupis, nasi dan wajid.

Daun nyirik adalah sejenis pokok renek tumbuh liar di pinggiran hutan, lazimnya di Pulau Borneo. Ia merupakan daun yang lebih mudah diperoleh malahan juga ia boleh ditanam di kawasan rumah. Malah daun ini juga mudah melarap dan agak mudah untuk mendapat dalam kuantiti yang banyak. Namun apabila cuaca panas, daun nyirik akan kekuningan dan kering, tidak menarik digunakan untuk membungkus makanan.

Ia tumbuh sepanjang tahun dan tidak bermusim. Daun ini tidak boleh dimakan dan tidak boleh diproses untuk tujuan lain.

Bagi mereka yang rajin pula, daun yang tumbuh liar di hutan ini mampu memberi pendapatan kepada mereka yang *bekarikh*. Daun nyirik lazimnya dibersihkan dan diikat lalu dijual di tamu-tamu ataupun di gerai-gerai sayur. Malah ada juga yang menjualnya secara *online*. Walau bagaimanapun, sekiranya berhajat dalam kuantiti yang banyak, pembelian secara

tempahan adalah yang sebaiknya.

Daun nyirik bukan sahaja digunakan untuk membungkus makanan secara segar, malah makanan sejuk beku seperti kelupis *frozen* masih dibungkus menggunakan daun yang sama, menjadikan permintaan daun nyirik masih mendapat tempat. Apatah lagi kelupis masih lagi dihidangkan untuk jamuan pada musim perayaan, Makan Taun bagi puak kedayan, majlis keramaian seperti perkahwinan, majlis kenduri dan sebagainya, menjadikan permintaannya masih bertahan.

Saiz daun nyirik juga lazimnya dititikberatkan oleh pembuat makanan agar ia sesuai digunakan pada makanan tersebut. Misalnya daun saiz besar sesuai digunakan untuk membungkus nasi, saiz sederhana digunakan untuk kelupis, manakala yang kecil pula sesuai digunakan untuk membungkus wajid. Jika tidak menjumpai saiz yang kecil, pembuat makanan akan

mengunting daun tersebut mengikut saiz yang mereka kehendaki.

Dengan menggunakan daun nyirik, ia dapat memberi aroma kepada kelupis menjadikan rasa kelupis agak unik. Begitu juga dengan nasi atau wajid yang dibungkus menggunakan daun nyirik dapat memberikan keunikan dari segi rasa. Penggunaan daun nyirik membuat juadah ini lebih sedap, wangi dan tahan lama. Kelupis yang menggunakan daun nyirik tidak mudah basi, agak tebal dan tidak mudah koyak. Bahkan apabila dihidangkan, kelupis yang menggunakan daun nyirik nampak lebih menarik.

Suatu ketika dulu, perkataan nyirik juga pernah digunakan sempena Brunei December Fest pada acara yang dipanggil The Nyirik Brunei Culinary Challenge 2017. Pemilihan perkataan nyirik digunakan memandangkan banyak makanan tempatan yang dibungkus menggunakan daun nyirik.





Sekolah Menengah Chung Hwa berdiri teguh majukan pendidikan anak bangsa

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail

Foto : Ihsan Sekolah Menengah Chung Hwa

PENGUASAAN dalam bidang pendidikan serta ilmu pengetahuan amat penting pada era globalisasi ini. Hal ini kerana pendidikan merupakan salah satu tunjang utama dalam pembangunan negara. Pembangunan sesebuah negara akan terjejas sekiranya hal-hal berkaitan pendidikan diabaikan. Kejayaan beberapa buah sekolah swasta di negara ini bertahan sehingga kini dengan menyumbang dalam dunia pendidikan adalah satu kejayaan sekolah swasta yang perlu dijadikan contoh.

Perbelanjaan besar yang diperlukan pada setiap tahun bagi membangunkan sistem pendidikan negara jelas menunjukkan kepentingan pendidikan. Tindakan ini dianggap sebagai satu pelaburan untuk menjamin kemajuan berterusan dan juga melahirkan modal insan kelas pertama pada masa hadapan.

Salah sebuah sekolah terkemuka yang didedikasikan untuk peningkatan pendidikan dan pembangunan keseluruhan pelajar ialah Sekolah Menengah Chung Hwa (SMCH), Bandar Seri Begawan (BSB). Ditubuhkan pada tahun 1922, ia merupakan salah satu sekolah swasta terbesar di BSB, Negara Brunei Darussalam. Ia menyediakan persekitaran pembelajaran *trilingual* (Cina, Melayu dan Inggeris).

SMCH adalah akademi Cina bukan kerajaan, yang dibiayai oleh orang ramai. Sekolah ini diklasifikasikan kepada tiga bahagian - Tadika, Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah.

Infrastruktur bangunan

Bangunan sekolah tiga blok ini menempatkan lebih daripada 60 bilik darjah serta makmal sains, bilik aktiviti, perpustakaan, dewan tadika, stor koperasi, kantin, bilik muzik, bilik komputer, bilik persidangan, klinik pergigian, bilik multimedia, asrama guru, studio tarian dan bilik kakitangan.

Terdapat tiga dewan di SMCH iaitu Dewan Darussalam, Dewan Boon Pang dan Dewan Kuliah. Gimnasium besar merangkap Dewan Perhimpunan (Dewan Darussalam) digunakan untuk perhimpunan sekolah, acara dan majlis, kelas pendidikan jasmani, sukan dalaman dan permainan. Terdapat perpustakaan dua tingkat dengan lebih daripada 70,000 buku dan 300 tempat duduk.

Pada masa ini, SMCH, BSB berkeluasan kira-kira lapan ekar dan terdiri daripada lapan blok bangunan. Terdapat kira-kira 2,000 pelajar dan 130 guru.

Sejarah SMCH

SMCH hanya mempunyai dua orang tenaga pengajar dan 20 orang pelajar pada tahun 1922. 99 tahun kemudian, selepas mencapai kejayaan penting, berjuang melawan arus masa, perjalanan salah satu sekolah swasta Cina tertua dan terbesar di negara ini adalah yang boleh dibanggakan. SMCH, BSB adalah salah satu sekolah tertua di negara ini, yang telah memberikan sumbangan besar kepada sistem pendidikan negara.

Pada akhir Abad Ke-19 dan awal Abad Ke-20, Awang Ong Boon Pang, pengasas sekolah ini serta beberapa orang pemimpin masyarakat Tionghua telah menuhubungkan sebuah sekolah swasta yang dikenali sebagai Sekolah Yok Choi. Tujuan penuhuan sekolah ini adalah untuk menjaga kepentingan anak-anak muda masyarakat Tionghua di negara ini, khususnya dalam bidang pendidikan. Sekolah ini beroperasi secara tidak formal di atas tapak bangunan dua tingkat yang disewa. Pada tahun 1922, nama sekolah ini ditukar menjadi Sekolah Chung Hwa, Brunei.

Sekolah ini kemudian mengalami kemajuan apabila pada tahun 1938 bangunan sekolah yang baharu siap dibina di Jalan Bendahara dan dirasmikan oleh Pesuruhjaya Tinggi British pada ketika itu.

Setahun kemudian, pendidikan sekolah menengah mula disediakan untuk menampung keperluan para pelajar yang menamatkan pendidikan di sekolah rendah. Sehubungan dengan itu, nama sekolah ditukar menjadi Sekolah Menengah Chung Hwa pada tahun 1954.

Pendidikan sekolah menengah atas dimulakan bagi melengkapkan sistem pendidikan di sekolah ini yang bermula dari sekolah rendah hingga menengah atas. Pada masa yang sama, jumlah bilangan pelajar juga mencapai angka seribu orang sehingga menyebabkan jumlah bilik darjah tidak mencukupi. Justeru, satu kempen mengutip derma diadakan untuk membina bangunan baharu. Di bawah kempen ini, setiap pelajar selain daripada membayar yuran sekolah, mereka juga menderma dua ringgit setiap bulan ke tabung pembangunan sekolah sebagai tanda sokongan dan semangat cintakan sekolah.

Pada tahun 1962, bangunan baharu untuk sekolah rendah yang menelan belanja empat ratus ribu ringgit siap dibina. Separuh daripada kosnya adalah ditanggung oleh kerajaan, manakala selebihnya merupakan sumbangan daripada orang ramai.

Pada tahun 2001, buat pertama kali dalam sejarah sekolah tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengadakan Lawatan Tidak Berjadual ke sekolah ini. Lawatan ini setentunya menjadi kenangan yang sangat berharga bagi para guru, pelajar-pelajar serta kakitangan di sekolah ini. Pada tahun 2002, sekali lagi baginda berangkat ke Majlis Sambutan Ulang Tahun Ke-80 Penubuhan SMCH.

Bangunan baharu Pehin Temenggung Dato Lim Teck Ho siap dibina pada 6 Januari 2008 dan pada 5 November, upacara pembukaan rasmi bangunan baharu Pehin Temenggung Dato Lim Teck Ho disempurnakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Lela Dato Seri Setia Haji Abdul

Rahman, Menteri Pendidikan Negara Brunei Darussalam ketika itu.

Pahit maung dalam usaha untuk memberi pendidikan kepada anak-anak Tionghua di negara ini mempunyai cerita yang tersendiri. Tetapi segala jerih payah ini berbaloi apabila kejayaan demi kejayaan dicapai sambil mengharumkan nama negara. Semangat seperti inilah yang dikehendaki bagi sama-sama meningkatkan taraf pendidikan di negara ini tanpa mengira sekolah kerajaan atau swasta.

Pencapaian membanggakan

SMCH telah memenangi pelbagai anugerah kerana usaha yang berdedikasi ke arah pembangunan akademik dan kerjaya para pelajar. Sebahagian daripada anugerah tersebut ialah :

- Johan Pertandingan Bola Sepak Antara Sekolah-Sekolah Seluruh Negara pada tahun 1942
- 'Anugerah Sekolah Teladan' pada tahun 2009 oleh Pejabat Luar Negeri Republik Rakyat China
- Sekolah Pameran Microsoft sejak 2014 hingga kini
- Pemenang BICTA (Anugerah ICT Brunei)
- APICTA (Anugerah ICT Asia Pasifik) Pemenang MERIT
- GCE O Level - 10 Terbaik di Dunia, Terbaik di Negara Brunei Darussalam
- PRYNSA (Anugerah Saintis Muda)

Kesimpulan

Kejayaan yang dicipta oleh SMCH menunjukkan kerjasama erat antara pihak kerajaan dan swasta dalam sama-sama meningkatkan taraf pendidikan bagi mencapai Wawasan 2035 iaitu rakyat yang berpendidikan tinggi, berkemahiran dan berjaya. Pihak swasta dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) perlu terus membantu bidang pendidikan negara, dalam usaha meningkatkan kemahiran guru serta pelajar, selain membantu membangunkan infrastruktur sekolah ke arah lebih baik.



PEMERIKSAAN PASTIKAN PERNIAGAAN BERETIKA

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

BELAIT, Isnin, 31 Oktober. - Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna bersama Unit Sukatan dan Timbangan (SDT), Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah menjalankan Pemeriksaan Bersepadu Bulanan di Pasarnek Kuala Belait dan premis-premis perniagaan di Daerah Belait.

Semasa pemeriksaan bersepadu dijalankan, dua premis perniagaan didapati menjual melebihi harga maksimum yang ditetapkan di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142.

Pihak JPES telah mengeluarkan sebanyak dua tawaran kompaun berjumlah masing-masing BND500 kepada Fairodin Sendirian Berhad (Fairos Mart) atas kesalahan menjual melebihi harga maksimum yang ditetapkan bagi beberapa produk minyak masak dan

kesalahan tidak memaparkan tanda harga dengan jelas.

Satu Notis Amaran juga telah dikeluarkan kepada Syarikat Jaya Hypermart Sdn. Bhd. atas kesalahan menjual melebihi harga maksimum yang ditetapkan bagi beberapa produk minyak masak dan susu tepung anak damit.

Manakala pihak Unit SDT telah mengeluarkan satu Notis Penyitaan ke atas pemilik alat sukat dan timbang iaitu bagi kesalahan mansuh pendaftaran dan alat berkenaan turut dirampas selaras dengan Akta SDT 1983, Penggal 151, Peraturan-peraturan Penelitian 1994 Bab 3 (1) dan (2).

Dua Notis Peringatan juga diberikan ke atas syarikat yang gagal memamerkan tanda berat bersih ke atas produk-produk berbungkus.

Para peniaga yang menjalankan aktiviti jualan di pasar ikan dan sayur telah diarahkan untuk

sentiasa memaparkan tanda harga pada barang-barangan yang dijual bagi memupuk ketulusan harga dan memberi pilihan kepada pengguna.

Turut dikongsikan kepada pihak pengurusan dan pekerja-pekerja pembungkus di premis-premis perniagaan mengenai tatacara membungkus dan menimbang berat bersih produk-produk dengan betul.

Pihak JPES dan Unit SDT ingin menasihatkan kepada para peniaga agar sentiasa peka dan mematuhi undang-undang yang sedia ada.

Ini adalah penting bagi membantu dalam mewujudkan amalan perniagaan yang wajar dan beretika untuk menyumbang kepada penggunaan domestik yang berdaya tahan dan mampan.

Di samping itu, orang ramai juga adalah disarankan untuk menggunakan saluran-saluran rasmi bagi sebarang aduan dan pertanyaan lanjut seperti berikut, Akta Kawalan Harga, Penggal 142-Jabatan Hal Ehwal Pengguna di



JABATAN Perancangan Ekonomi dan Statistik melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna bersama Unit Sukatan dan Timbangan, Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan, di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi semasa menjalankan Pemeriksaan Bersepadu Bulanan, di Pasarnek Kuala Belait dan premis-premis perniagaan di Daerah Belait.

JPES melalui Talian Darussalam 123 (TD123), aplikasi mudah alih PenggunaBijak dan e-mel, aduanpengguna@jpes.gov.bn dan

Acta SDT, Penggal 151 - Unit SDT, Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan melalui sdt@mofe.gov.bn.

DARI MAHKAMAH

Oleh : Nooratini Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 November. - Mahkamah Majistret menjatuhkan hukuman enam bulan penjara dan tiga kali sebatan ke atas seorang lelaki, warganegara Thailand, kerana tinggal lebih masa di Negara Brunei Darussalam.

Majistret Kanan Hajah Ervy Sufitriana binti Haji Abdul Rahman menetapkan hukuman mula berkuat kuasa, pada 27 Oktober

2022, di bawah Seksyen 15 (1) Akta Imigresen, Penggal 17 ke atas Somphong Yimget, berusia 41 tahun.

Somphong Yimget didakwa melakukan satu pertuduhan kerana tinggal lebih masa di negara ini tanpa alasan yang munasabah setelah Pas Pekerja mansuh bagi tempoh selama 797 hari.

Defendant pertama kali tiba di Negara Brunei Darussalam pada 23 November 2015.

Pada 26 Oktober 2022, kira-kira jam 3.30 petang, defendant ditahan oleh Pegawai Imigresen ketika melapor diri di kaunter berlepas di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) sebelum penerbangannya pulang ke Thailand, di mana Pegawai Imigresen curiga dengan pengesahan terakhir pasport defendant.

Defendant kemudian ditangkap dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) untuk siasatan lanjut.

Siasatan mendapati, bahawa defendant kali terakhir ke NBD, pada 19 April 2018 melalui LTAB dan diberikan Pas Pekerja, di bawah tajaan Hup Soon Brickworks & Ceremic Sdn. Bhd. sebagai Buruh.

Dalam siasatan itu juga mendedahkan, di mana Pas Pekerja defendant diganjakkan oleh majikannya, pada 21 Mei 2020 dan berakhir pada 21 Ogos 2020.

Namun, majikannya membatalkannya pada 11 Ogos 2020 dan defendant hendaklah keluar dari Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari 19 Ogos 2020.

Pada 19 Ogos 2020, majikannya menghantar defendant di LTAB untuk pulang ke Thailand, namun defendant melaikkan diri dan majikannya terus membuat laporan polis, pada hari yang sama.

Apabila siasatan dijalankan, terdapat tiga pengesahan dari Pas Pekerja selepas pas pekerja kali terakhir defendant dibatalkan.

Siasatan juga mendapati,

bahawa tidak ada pas pekerja yang diganjakkan dalam rekod defendant selepas 19 Ogos 2020, bukan pengesahan juga bukan dari JIPK berkenaan.

Somphong Yimget juga mengakui, bahawa dia memutuskan untuk tinggal secara haram di Brunei dan bekerja sebagai pekerja bebas (*freelance*) untuk mendapatkan lebih banyak wang dan melunaskan perjanjianya di Thailand.

Dan sejak itu, defendant tidak pernah menganjakkan pasnya atau melaporkan perkara itu kepada mana-mana pihak berkuasa yang berkaitan.

Dalam rekod, ini merupakan kesalahan pertama defendant, di bawah Akta Imigresen. Pendakwaan dijalankan oleh pihak Pendakwa Raya di JIPK, Mohd. Zul Azri bin Haji Ranee.


ALAI PINTAR
SOALAN 089
SOALAN 2 NOVEMBER 2022, RABU

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan.

1. Kitab-kitab Allah Subhanahu Wata'ala yang wajib diketahui ada berapa?
 a) 10 kitab
 b) 5 kitab
 c) 4 kitab

2. $500 + 100 + 1000 = ?$
 a) 1,100
 b) 1,006
 c) 1,600

3. Apakah kata berlawan bagi "Berat"?
 a) sederhana
 b) besar
 c) ringan

TARIKH TUTUP : 13 November 2022

HADIAH PEMENANG

- ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK SEORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.
- ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER SAMIMA SDN BHD BERNILAI BND40.00

PEMENANG ALAI PINTAR 088 :

Nama : Muhammad Nurizzan Raziq Syazani Bin Awg. Haji Mohammad Noorime
 No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0100690-01. Sekolah : Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah

SYARAT PERADUAN

- Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
- Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
 - Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.
- Alai juga boleh menggambarkan jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi WhatsApp ke talian **+673 8300836** atau emel ke pelita.brunei@information.gov.bn
- Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama :
 Tarikh Lahir :
 No. Surat Beranak / Kad Pengenalan :
 Sekolah :
 Tahun :
 Alamat :
 Nomor Telefon (mudah dihubungi) :

JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 088

- A – 1951
- C – 5 waktu
- C – Sijil

PEMULIHAN PASCAPANDEMIK, KESELAMATAN, INFLASI AGENDA PENTING SIDANG KEMUNCAK ASEAN AKAN DATANG

PHNOM PENH, 1 Nov. - Pemulihan pascapandemik COVID-19, isu keselamatan dan peningkatan inflasi global dijangka menjadi agenda utama perbincangan pada Sidang Kemuncak ASEAN ke-40 dan ke-41 serta sidang-sidang kemuncak berikutnya.

Sidang Kemuncak ASEAN ke-40 dan ke-41 serta sidang-sidang kemuncak berkaitan berlangsung dari 11 hingga 13 Nov di ibu negara Kemboja, Phnom Penh.

Menteri Kao Kim Hourn, menteri yang bertugas dengan perdana menteri Kemboja, berkata sidang kemuncak itu penting dan strategik bukan sahaja buat Kemboja selaku pengurus ASEAN untuk 2022, bahkan untuk seluruh ASEAN serta rakan dialognya.

Kim Hourn yang akan mengambil alih jawatan setiausaha agung ASEAN mulai Januari 2023 dalam temu bual dengan Xinhua baru-baru ini berkata usaha pemulihan ekonomi pasca pandemik, isu keselamatan seperti konflik Rusia-Ukraine, Semenanjung Korea, peningkatan harga minyak dan makanan dunia serta perubahan iklim, akan dibincangkan pada sidang kemuncak itu.

"Inilah masa yang sangat kritikal kerana Kemboja bukan sahaja berada dalam peta serantau, malah dalam peta dunia untuk mengemudi dan mengharungi semua cabaran," katanya.

China berjaya lancarkan modul eksperimen stesen angkasa Mengtian

WENCHANG, 1 Nov. - Modul eksperimen Mengtian berjaya dilancarkan dengan menggunakan roket pembawa Long March-5B Y4 di pusat pelancaran Wenchang, provinsi Hainan, pada Isnin.

Modul eksperimen berkenaan memasuki orbit yang disasarkan dan akan bercantum dengan kompleks stesen angkasa lepas.

Mengtian merupakan modul ketiga dan juga modul eksperimen kedua bagi stesen angkasa lepas China.

Modul eksperimen seberat 23 tan metrik itu dilengkapi dengan ruang kerja anak kapal, bahagian muatan, kabin kedap udara dan kabin sumber bagi tujuan menjalankan eksperimen sains dan aplikasi angkasa serta pengurusan kompleks stesen angkasa lepas.

Kabin sendat udara pula berfungsi menyokong penghantaran kargo keluar atau masuk kabin secara automatik dan menyediakan sokongan kepada

Ketua pengarah Institut Perhubungan Antarabangsa Kemboja, cabang Akademi Diraja Kemboja, Kin Phea berkata sidang kemuncak itu penting bagi mengekalkan dan mempromosi multilateralisme serta meletakkan asas dan platform untuk menangani cabaran utama yang dihadapi rautan ini dan dunia.

"Pandemik COVID-19, ketidakjaminan makanan dan tenaga dan persaingan kuasa adalah cabaran utama antara lain yang dihadapi ASEAN pada masa ini dan beberapa tahun akan datang."

"Seperti yang diutamakan oleh Kemboja, ASEAN perlu merealisasikan Komuniti ASEAN pasca-COVID-19 yang inklusif, mampan dan berdaya tahan. Justeru, ASEAN perlu mempercepat dan mengharmonikan lagi usaha pemulihan COVID-19 dengan pendekatan holistik dengan kerjasama pihak berkepentingan utama dan rakan kongsi luar," katanya.

Pengerusi Institut Sumber Pembangunan Kemboja, Mey Kalyan berkata dunia kini melalui tempoh pergolakan yang sukar dalam semua aspek yang mengancam manusia daripada aspek keselamatan, makanan, ekonomi, tenaga dan perubahan iklim.

"Memandangkan latar belakang ini, sidang kemuncak ASEAN yang akan datang sangat tepat pada masanya dan relevan, kami tidak menjangkakan banyak isu serius akan diselesaikan pada mesyuarat ini. Namun, semua pemimpin terkemuka mestи mempunyai kebijaksanaan dan keberanian untuk bertemu dan membincangkan isu yang paling mendesak sekarang," katanya.

Beliau berkata para pemimpin perlu membincangkan cara untuk meningkatkan pemulihan ekonomi pascapandemik dan menangani isu keselamatan serta harga makanan dan tenaga yang tinggi untuk memastikan keamanan, keselamatan, kestabilan dan pembangunan bersama untuk rautan ini dan dunia secara umum.

Profesor kanan di Universiti Antarabangsa BELTEI di Phnom Penh, Joseph Matthews percaya pemimpin ASEAN juga akan menyentuh kemajuan dalam pelaksanaan perjanjian perdagangan Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau yang berkuat kuasa awal tahun ini.

"Pakatan perdagangan mega serantau ini telah menjadi penggerak utama bagi pemulihan ekonomi rautan ini dalam era pascapandemik," katanya.

ASEAN dianggotai Brunei,

Kemboja, Indonesia, Laos, Singapura, Thailand dan Vietnam. - ©BERNAMA



Bekas Presiden Lula Da Silva menang pusingan kedua Pilihan Raya Presiden Brazil

BRASILIA, 31 Okt. - Bekas Presiden Brazil Luiz Inacio Lula da Silva dari Parti Pekerja (PT) memenangi pusingan kedua pemilihan presiden pada Ahad dan akan memulakan tugasnya bermula 1 Jan 2023 untuk penggal empat tahun, lapor Xinhua.

Menurut data dikeluarkan Tribunal Pilihan Raya, Lula da Silva memperoleh 59.8 juta undi (50.86 peratus) mengatasi Presiden semasa Jair Bolsonaro dari Parti Liberal (PL) dengan 57.8 juta undi (49.14 peratus).

Keputusan itu sekali gus mencatatkan kemenangan tipis dalam sejarah pilihan raya presiden Brazil.

Pada pusingan pertama 2 Okt lalu, Lula da Silva memperoleh 48.3 peratus undian berbanding Bolsonaro yang menerima 43.2 peratus.

Dalam kemenangan rayanya, Lula da Silva menumpukan isu sosial termasuk berikrar melaksanakan kenaikan gaji minimum, pengukuhan syarikat milik kerajaan dan usaha membasihi kelaparan dan kemiskinan. - ©BERNAMA

Angka korban akibat ribut tropika Nalgae di Filipina cecah 98

MOSCOW, 31 Okt. - Seramai 98 orang maut manakala 69 lagi cedera akibat kejadian banjir dan tanah runtuh di Filipina yang dicetuskan ribut tropika Nalgae (Paeng), lapor Sputnik.

Menurut laporan Majlis Pengurangan dan Pengurusan Risiko Bencana Negara (NDRRMC) pada Isnin, ribut itu telah menjelaskan lebih 1.8 juta orang manakala 63 orang masih hilang.

Sebelum ini, NDERRMC pada Sabtu memaklumkan 72 orang terkorban manakala 33 lagi cedera akibat Nalgae.

Lebih 12,100 orang terpaksa berpindah ke 113 pusat perlindungan sementara yang telah dibangunkan di seluruh negara.

Hampir 3,500 rumah rosak, 689 kediaman musnah manakala lebih 70 jalan raya, 16 jambatan dan 58 pelabuhan terjejas akibat ribut berkenaan.

Gangguan bekalan elektrik turut dilaporkan di seluruh negara. - ©BERNAMA

Elon Musk jadi pengarah tunggal Twitter, pecat keseluruhan ahli lembaga pengarah

HOUSTON , 1 Nov. - Elon Musk memecat kesemua ahli lembaga pengarah Twitter pada Isnin, seminggu selepas memuktamadkan pengambilalihan gergasi media itu membabitkan bayaran sebanyak AS\$44 bilion.

Tindakan itu sekali gus menjadikan CEO Tesla dan SpaceX itu sebagai pengarah tunggal Twitter, lapor Anadolu Agency (AA).

"Ini hanya sementara," ciap Musk selepas melakukan "pembersihan" terhadap barisan kepimpinan tertinggi syarikat itu.

Antara yang dipecat ialah Ketua Eksekutif Parag Agrawal, Ketua Pegawai Kewangan Ned Segal dan bekas pengerusi Bret Taylor.

Musk, orang terkaya di dunia turut menawarkan untuk membeli balik semua bon tertunggak Twitter, menurut dokumen yang difaikan di Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa (SEC) AS.

Pengambilalihan Twitter oleh Musk telah mencetuskan perdebatan mengenai kebebasan bersuara berbanding bahaya dalam talian dengan Musk sendiri sebelum ini mengkritik dasar penyederhanaan Twitter dan menuduh platform itu berat sebelah terhadap pandangan berhaluan kiri.

Musk belum lagi memperincikan rancangannya untuk visi Twitter, namun beliau dijangka melonggarkan peraturan penyederhanaan serta mengurangkan kaktangan syarikat secara menyeluruh.

Beliau juga dipercayai menerima idea meminta pengguna membayar untuk tanda "blue check" yang digunakan bagi mengesahkan akaun terkenal selebriti, ahli politik, pemimpin perniagaan dan wartawan. - ©BERNAMA

PM Korea Selatan gesa orang ramai henti siar komen kebencian, rakaman tragedi Itaewon

SEOUL, 31 Okt. - Perdana Menteri Korea Selatan Han Duck Soo pada Isnin menyeru orang ramai supaya tidak menyiarakan komen berunsurkan kebencian atau berkongsi rakaman dan maklumat yang tidak sah mengenai rempuhan maut yang mengorbankan lebih 150 nyawa pada Sabtu, lapor Agensi Berita Yonhap.

"Sesetengah pengguna media social didapati menyiarakan komen berunsurkan kebencian mengenai mangsa dan berkongsi maklumat salah serta rakaman provokasi mengenai insiden itu.

"Saya merayu agar pengguna

media sosial menghentikan tindakan seperti ini" kata Han dalam sesi mesyuarat maklum balas kerajaan pusat.

Kerajaan akan melakukan yang terbaik untuk memberi bantuan kepada ahli keluarga mangsa mengenai prosedur pengebumian termasuk mereka yang di luar Seoul dan dari luar negara.

Insiden berlaku pada Sabtu malam apabila sekumpulan besar pengunjung berkumpul sempena pesta Halloween dan memenuhi lorong sempit selebar 3.2 meter di Itaewon, Seoul.

"Kerajaan akan meneliti secara menyeluruh punca kematangan dan melakukan yang terbaik bagi menyemak semula dasar yang diperlukan supaya tragedi seperti itu tidak berulang," kata Han.

Beliau juga meminta majlis perbandaran Seoul dan pejabat Yongsan Ward untuk meningkatkan usaha tindak balas termasuk menjalankan upacara keagamaan.

Han turut menyampaikan penghargaannya kepada orang ramai yang terlibat dalam usaha menyelamat di tempat kejadian. - ©BERNAMA



PELITA BRUNEI SUKAN

AKSE BERSATU UNGGULI LIGA DAERAH BRUNEI DAN MUARA 2022



PASUKAN AKSE Bersatu terus unggul di persada Liga Daerah Brunei dan Muara 2022 dan menerima hadiah Piala Pusingan, Piala Iringan dan wang tunai (atas), sementara gambar kanan, antara aksi perlawanannya di antara Pasukan AKSE Bersatu dan Ar Rawda.

BERAKAS, Isnin, 31 Oktober. - Pasukan AKSE Bersatu terus unggul di persada Liga Daerah Brunei dan Muara 2022 musim ini dengan kemenangan empat kali dan satu seri sehingga mengecewakan harapan Ar Rawda dengan berkesudahan 3 - 0

baru-baru ini.

Selain sokongan padu dengan kegamanan penuh meriah para penyokong di Padang Bola, Kompleks Sukan Berakas, di sini, AKSE Bersatu tanpa membuang masa terus menyumbat satu gol pembukaan menerusi

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Ihsan AKSE Bersatu

sepakan jarak dekat Awangku Md. Nur Hidayat bin Pengiran Abas pada minit ke-19.

Ar Rawda terus membuat serangan dari pelbagai juru, akan tetapi penjaga gol AKSE Bersatu, Awang Arib bin Haji Umar bertindak cemerlang menjaga gawang sehingga kedudukan 1 - 0 pada separuh masa pertama perlawanannya.

Permainan separuh masa kedua menyaksikan beberapa strategi dipamerkan dengan masing-masing sehabis baik mempertahankan kubu mereka.

Namun demikian, pemain AKSE Bersatu, Md. Hamdi bin Roslan beraksi begitu baik dengan tendangan kencangnya sehingga membolos gawang Ar Rawda pada minit ke-63.

Selang lima minit kemudian, Md. Hamdi terus mengasak kubu pertahanan menerusi tandukan berbisa sehingga tidak mampu diselamatkan oleh penjaga gol Ar Rawda dan menjadikan jaringan 3-0 sehingga wisel penamat dibunyikan oleh pengadil perlawanannya.

Hadir selaku tetamu kehormat seterusnya menyampaikan hadiah ialah Presiden Pertubuhan Bola Sepak Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Juned bin Haji Ramli.

Perlawanannya tersebut juga turut disaksikan oleh penaja-penaja dan pemain-pemain lama yang juga selaku peneraju Pasukan AKSE Bersatu pada masa awal penubuhannya.

Pada perlawanannya ini Pasukan AKSE Bersatu telah meningkatkan semangat apabila penyokong yang memenuhi ruang

duduk terus memberikan sorakan dan nyanyian kepada pemain untuk terus berjuang dan memastikan kejayaan dan kemenangan milik Pasukan AKSE Bersatu yang seterusnya menerima hadiah Piala Pusingan, Piala Iringan dan wang tunai.

Terdahulu, pada perlawanannya separuh akhir menentang Wondrous, 21 Oktober yang lalu, Pasukan AKSE Bersatu telah menundukkan pasukan lawan dengan jaringan 2-0 yang dijaringkan oleh Awangku Md. Nur Hidayat.



Chainblock Rasta naib johan Kejohanan Tarik Kalat Borneo

Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Tarik Kalat Negara Brunei Darussalam



CHAINBLOCK Rasta menerima hadiah berupa piala iringan dan wang tunai sebanyak RM2,000 setelah muncul naib johan pada Kejohanan Tarik Kalat Borneo Jemputan Limbang / Lawas (kiri), sementara gambar atas, antara aksi pada kejohanan tersebut.

Pada kejohanan berkenaan, Chainblock Rasta berjaya mara ke peringkat akhir dan meraih naib johan setelah tewas kepada Chainblock Limbang.

Chainblock Rasta menerima hadiah berupa Piala Iringan dan wang tunai sebanyak RM2,000.

Manakala, tempat ketiga disandang oleh Chainblock Reggae sementara KB Bull Brothers, Mengkubau United dan HSN Fit telah mara ke lapan pasukan

terbaik.

Chainblock merupakan johan Tarik Kalat Peringkat Kebangsaan sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-76, Tahun 2022 dan juga naib johan pada Perlawanannya Tarik Kalat Solidariti Terbuka di Tambunan Sabah Malaysia pada September lalu.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 31 Oktober. - Persatuan Tarik Kalat Negara Brunei Darussalam telah pun dijemput bagi mengikuti Kejohanan Tarik Kalat Borneo Jemputan Limbang / Lawas yang telah diadakan pada 29 hingga 30 Oktober 2022 bertempat di Kompleks Sukan Limbang,

Sarawak.

Sebanyak enam pasukan dari Negara Brunei Darussalam telah pun mengikuti kejohanan berkenaan yang terdiri daripada Chainblock Rasta, Chainblock Reggae, HSN Fit, KB Bull Brothers, MG 5 dan Mengkubau United.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

DALAM MELAKUKAN KEBAIKAN, NIAT KITA HENDAKLAH IKHLAS, BERSIH